

No. K... 85 . Ja  
No Perolehan: 70936  
Tarikh: 18 MAR 1986

KEMISKINAN - KAJIAN PERBANDINGAN  
SOSIO-EKONOMI PENDUDUK-PENDUDUK  
DI KAMPUNG GELANG CINCIN  
BERDASARKAN STRATIFIKASI SOSIAL

JAMALIAH BT. GHANI  
No. Matrik : 043420

Latihan Ilmiah  
Bagi Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat-Syarat Untuk  
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

Sesi 1985/86

## SINOPSIS

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat faktor-faktor kemiskinan dan teori yang berkaitan dengannya. Juga akan ditinjau rancangan-rancangan pembangunan kerajaan yang bergiat di sana dan sejauhmanakah keberkesanannya.

Dalam bab I dibincangkan tujuan dan bidang kajian dan juga teknik yang telah digunakan dalam kajian ini serta masalah-masalah yang timbul dalam menjalankan kajian tersebut.

Bab II membicarakan tentang teori, konsep ukuran kemiskinan dan menyatakan serba ringkas mengenai kemiskinan dalam konteks di Malaysia yang dilihat dari sudut struktur - sejarah.

Dalam bab III pula diuraikan secara ringkas mengenai latar belakang tempat kajian. Ini termasuklah dari segi kedudukan Geografi - Politik, penduduk dan Penempatan Penduduk, kemudahan Perhubungan sosial dan ekonomi.

Bab IV dianalisa latar belakang responden dan isteri yang meliputi umur, pendidikan, tanggungan dan juga kedudukan sosio-ekonomi mereka dan sejauhmanakah pola-pola ini masih berada di dalam kategori miskin.

Bab V diuraikan masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil getah dan cara-cara bagaimana ianya boleh diatasi serba sedikit serta setakat manakah kejayaan mereka dalam usaha ini. Juga dinitai serba ringkas peranan dan keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu para pekebun kecil.

Akhir sekali dalam bab VI adalah merupakan rumusan dan penutup dengan mengaitkan faktor apakah yang menyebabkan kemiskinan di luar bandar terutamanya di kawasan tempat kajian.

University of Malaya

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim  
Assalamualaikum Wr. Wb.

Bersyukur saya kehadrat Allah Subhana Wata'ala kerana dengan limpah kurnianya, berjaya saya menyempurnakan latihan ilmiah ini. Di ruangan ini ingin saya merakamkan penghargaan saya kepada mereka yang telah banyak memberi segala kemudahan, kerjasama, bantuan dan tunjukajar sehingga dapat menyiapkan latihan ilmiah ini.

Sanjungan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Hing Ai Yun yang telah banyak memberi tunjukajar serta nasihat membantu saya menyelesaikan kesulitan-kesulitan yang dihadapi dalam usaha menyiapkan latihan ilmiah ini.

Setinggi-tinggi penghargaan saya kepada semua pihak yang terlibat terutamanya kepada semua penduduk-penduduk di Kampung Gelang Cincin, Penghulu, Ketua Kampung, Pegawai Pertanian yang berkhidmat di sana, yang telah memberikan kerjasama semasa kajian ini dilakukan.

AKhir sekali kepada semua saya hargai segala bantuan dan tunjukajar serta budi baik yang telah dicurahkan dan terima kasih sekali lagi.

Muka Surat

2.4 Teori Kemiskinan	17
a. Teori yang menekankan dari sudut ekonomi	18
b. Teori yang menekankan kepada faktor Budaya	19
c. Teori yang menekankan kepada faktor "Dependency" Pergantungan	22
d. Teori yang menekankan kepada struktur - Sejarah	25

BAB III : LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN

3.1 Latarbelakang tempat kajian secara umum	31
3.2 Latarbelakang Kampung Gelang Cincin	32
i. Kedudukan Geografi - Politik	32
ii. Latarbelakang Penduduk	35
iii. Kemudahan-kemudahan sosialnya.	38

BAB IV . LATARBELAKANG RESPONDEN YANG DIKAJI

4.1 Biodata Responden	42
a. Umur	42
b. Tingkat Pendidikan	43
c. Jenis Pekerjaan Responden	45
4.2 Tanggungan Responden	
a. Bilangan Anak Responden	49
b. Umur Anak-Anak Responden	51
c. Taraf Pendidikan Anak-Anak Responden	52
4.3 Keadaan Sosio-ekonomi Responden	
a. Tingkat Pendapatan Responden	53
b. Jumlah Pendapatan Seisi Keluarga	57
c. Perbelanjaan Keluarga Responden	58
d. Perbelanjaan Persekolahan Anak-anak Responden	60

Muka Surat

e. Pemilikan Harta Benda Responden	61
------------------------------------	----

BAB V : MASALAH PEKEBUN KECIL DAN CARA MENGATASINYA

5.1 Masalah Petani

a. Masalah Pemecahan dan Pemilikan Tanah	65
b. Masalah Sistem Bagi Dua	69
c. Masalah Kekurangan Hasil	72
d. Masalah pelajaran dan mobiliti sosial	72

5.2 Rancangan-rancangan kerajaan dan sejauhmanakah Keberkesanannya	78
--	----

BAB VI : RUMUSAN DAN PENUTUP	86 - 92
------------------------------	---------

BIBLIOGRAFI	93 - 94
-------------	---------

LAMPIRAN-LAMPIRAN	95 - 96
-------------------	---------

## SENARAI JADUAL

	<u>Muka Surat</u>
Jadual 1 : Paras Kemiskinan untuk tahun 1977-1982	17
Jadual 2 : Bilangan penduduk mengikut bangsa dan jantina	36
Jadual 3 : Bilangan penduduk mengikut umur	36
Jadual 4 : Jenis-jenis famili yang ujud	37
Jadual 5 : Kedudukan umur Responden dan Isteri	43
Jadual 6 : Tingkat Pendidikan Responden dan Isteri	45
Jadual 7 : Jenis Pekerjaan Responden, jumlah tukar pekerjaan dan alasan menukar pekerjaan sekarang	47
Jadual 8 : Sikap Responden samada ingin menukar pekerjaan sekarang	48
Jadual 9 : Bilangan Anak-anak Responden	50
Jadual 10 : Kedudukan umur anak-anak responden keseluruhan	51
Jadual II : Pembahagian umur anak-anak responden mengikut jantina	52
Jadual 12 : Taraf Kedudukan Pendidikan Anak-anak Responden	54
Jadual 13 : Distribusi Pendapatan Responden	55
Jadual 14 : Pendapat Responden samada ingin tinggal selama-lama di kampung ini.	57
Jadual 15 : Jumlah Pendapatan Seisi Keluarga	58
Jadual 16: Jumlah Perbelanjaan Responden	59
Jadual 17: Perbelanjaan Persekolahan Anak-anak Responden dalam 1 tahun	60
Jadual 18: Pemilikan Harta benda Responden	61
Jadual 19: Jumlah Pemilikan Tanah Responden	66
Jadual 20 : Pola Pekerjaan yang dilakukan oleh Responden	69

Muka Surat

Jadual 21 : Cara Penorehan Getah dilakukan	71
Jadual 22 : Jumlah Pelajar yang cicir dalam persekolahan	75
Jadual 23 : Jumlah Pendapatan dan Perbelanjaan Responden	88

## BAB I

### PENDAHULUAN

Di dalam bab ini pengkaji akan memberi penerangan serba ringkas mengenai tujuan dan Bidang Kajian, Metode Kajian (dari segi cara pemilihan responden, cara pengumpulan data) dan juga kesulitan-kesulitan dalam menjalankan kajian ini.

#### I.I Tujuan dan Bidang Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji masalah-masalah kemiskinan dan juga untuk mencari faktor-faktor yang menyebabkan ujudnya kemiskinan di kawasan luar bandar. Berikut dengan gejala kemiskinan ini berbagai-bagi teori telah dikemukakan oleh para pengkaji Sains Sosial mengenai masalah tersebut. Misalnya ada golongan yang mengaitkan kemiskinan dengan tingkat pelajaran, yang disebabkan oleh ramainya bilangan ahli keluarga, disebabkan oleh Budaya Miskin (Culture of Poverty) dan lain-lain.

Berbagai-bagi usaha juga telah diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah kemiskinan ini, misalnya kerajaan telah melancarkan Dasar Ekonomi Baru dan menubuhkan berbagai-bagi agensi seperti Felda,<sup>1</sup> Felcra,<sup>2</sup> Risda<sup>3</sup> dan berbagai agensi yang lain bagi membantu mereka.

---

<sup>1</sup>FELDA adalah singkatan kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

<sup>2</sup>FELCRA adalah singkatan kepada Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Semula Tanah

<sup>3</sup>RISDA adalah singkatan kepada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah.

Jadi tujuan kajianini juga adalah untuk meninjau sejauhmanakah keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil dan dicadangkan oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut. Kajian ini dilakukan bukanlah untuk mencari kelemahan pihak kerajaan tetapi untuk mengesan mengapakah setelah usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk memperbaiki taraf hidup penduduk di kawasan luar bandar tetapi keadaan mereka masih tetap tidak berubah.

Di sini pengkaji ingin menyatakan bahawa kajian ini hanya merupakan kajian kes pengkaji di Kampung Gelang Cincin, Segamat, Johor. Oleh itu semua masalah kemiskinan dan kesimpulan yang dilakukan oleh pengkaji kelak mungkin tidak dapat mewakili bagi semua masalah kampung di lain-lain tempat di Malaysia.

Untuk mencapai tujuan kajian ini, pengkaji akan meninjau beberapa bidang yang meliputi biodata responden, tanggungan responden, keadaan sosio ekonomi responden dan juga mengenai sikap responden dalam beberapa hal yang tertentu seperti tahap pelajaran yang diharapkan oleh responden akan dicapai oleh anak mereka dan juga sikap responden samada ingin tinggal selama-lama di kampung tersebut.

Dalam biodata responden perkara-perkara yang akan disentuh oleh pengkaji adalah dari segi umur responden suami isteri, tingkat pendidikan responden suami isteri dan juga jenis pekerjaan responden. Dalam bidang tanggungan responden pula aspek-aspek yang disentuh oleh pengkaji adalah mengenai bilangan anak responden, umur anak-anak responden dan tingkat pendidikan anak-anak responden. Manakala dari segi sosio ekonomi pula pengkaji memasukkan tingkat pendapatan responden, jumlah pendapatan seisi keluarga, perbelanjaan keluarga dan juga mengenai pemilikan tanah responden.

## 1.2 Metode Kajian

### a) Cara Pemilihan Responden

Dalam pemilihan responden, bagi kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan perbandingan diantara keluarga yang dianggap miskin, sederhana dan mewah di kampung tersebut. Untuk itu pengkaji telah meminta jasa baik Ketua Kampung untuk mengenalpasti keluarga-keluarga tersebut memandangkan beliau lebih arif mengenai latarbelakang anak buahnya di sana.

Namun begitu, ini tidaklah bererti pengkaji menerima saja tanpa mengambil lain-lain faktor sebagai perkiraan. Diantara pertimbangan-pertimbangan yang diambil kira oleh pengkaji termasuklah:-

- i) Pendapatan tunai yang diperolehi seperti gaji, dividen, upah dan faedah sosial.
- ii) Harta-harta dalam bentuk modal seperti saham, tanah, rumah dan lain-lain harta.
- iii) Pendapatan dari sumber persendirian (private resources).

Faktor-faktor tersebut diberi pertimbangan kerana kedudukan di dalam stratifikasi sosial (social rank) iaitu samada ia menduduki kelas atasan, pertengahan ataupun bawahan, ukuran ini dibuat berdasarkan pemilihan sumber ekonomi tersebut.

Seramai 50 orang responden telah digunakan dimana 30 orang darinya mewakili keluarga miskin, 10 sederhana dan 10 mewah.

### b) Pengumpulan data

Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan borang soal selidik (Questionnaire), Temuduga, participant observation (pemerhatian-penyertaan) dan melalui data-data bertulis ataupun bahan-bahan terkumpul (Library Research).

(i) Menggunakan Borang Soal Selidik (Questionnaire)

Dalam kajian ini penyediaan borang soal selidik telah disediakan oleh Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya (IPT) dan seramai 50 orang responden telah dipilih untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dari borang soal selidik tersebut. Soalan-soalan yang disediakan dalam soal selidik ini terdiri daripada dua bentuk soalan iaitu soalan yang berbentuk soalan tertutup (close-ended) dan soalan terbuka (open-ended). Soalan tertutup adalah bentuk soalan dimana jawapannya telah disediakan dan responden bebas untuk memilih jawapan yang bersesuaian dengannya sepetimana yang diterangkan oelh Frestinger dan Katz:-

"..... the possible responses are contained in the questions so that the respondent merely has to select the category which come closest to his position."<sup>4</sup>

Manakala soal selidik yang berbentuk terbuka pula adalah bentuk soalan dimana responden diberi kebebasan untuk menyuarakan pendapatnya sendiri tanpa dipandu oleh sesiapa. Dengan cara ini responden akan dapat memberi jawapan yang benar-benar bersesuaian dengan dirinya sendiri. Frestinger dan Katz menjelaskan bahawa soal selidik jenis ini ialah:-

"..... in which the topic is structured for the respondent but he is given the took of answering in his own words; structing answers as he sees fit and speak at whatever length."<sup>5</sup>

Satu set borang soal selidik itu dibahagikan kepada beberapa bahagian untuk memudahkan penganalisaan. Bahagian-bahagian tersebut meliputi

<sup>4</sup> Frestinger and Katz, D. 'Research Methods In Behavioural Sciences', HOH, Rinehart and Winston Inc., U.S.A. 1953, hlm. 351.

<sup>5</sup> Ibid, hlm. 351.

maklumat tentang keluarga dan Ketua Seisi rumah, pendapat responden dan faktor-faktor sosial, pola pendapatan dan perbelanjaan seisi rumah dan dari segi pemilikan harta dan tanah responden.

(ii) Temuduga

Dalam menjalankan kajian, pengkaji juga telah menggunakan kaedah temuduga

- melalui beberapa orang sebagai "Key informant". "Key informant" yang banyak membantu pengkaji dalam memberi maklumat tentang keadaan di Kampung Gelang Cincin ini adalah Ketua Kampung. Ini memandangkan beliau merupakan pemimpin di kampung tersebut dan sudah tentu beliau lebih arif tentang keadaan penduduk di sana dan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

Pengkaji juga telah menggunakan beberapa orang yang lain sebagai "Key informant" seperti Pegawai Pertanian di Mukim Sermin/Jabi untuk mengetahui masalah pertanian yang dihadapi oleh penduduk di sana dan juga bantuan-bantuan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan.

Selain dari itu pengkaji juga mengadakan temuduga secara tidak resmi atau "informal interview". Melalui perbualan secara tidak resmi ini, dapat menambahkan maklumat-maklumat dan data-data yang diperlukan tetapi tidak terkandung di dalam borang soal selidik. Dengan cara ini, pengkaji akan dapat maklumat-maklumat penting yang boleh digunakan dalam kajian ini. Perbualan secara tidak resmi ini juga akan dapat mengujudkan hubungan yang mesra diantara pengakji dengan responden.

(iii) Kaedah Pemerhatian - Penyertaan

Kaedah Pemerhatian - penyertaan juga dilakukan dalam kajian ini bersama-sama dengan kadedah soal selidik dan temuduga untuk memahami perkara-perkara atau soal-soal yang berkaitan dengan susunan sosial, kebudayaan, sikap

serta nilai yang ada kaitannya dengan masalah kemiskinan. Kaedah pemerhatian - penyertaan ini dilakukan dengan memerhati dan ikut serta segala kegiatan harian penduduk disana. Ini adalah bersesuaian dengan saranan Morris Freilich:-

"Although anthropologist use a number of method to collect data, the basic method associated with fieldwork is participant observation. This means observing the behaviour of a group while participating in its community life. The field anthropologist attempts to become part of the culture he is studying."<sup>6</sup>

"..... The method of participant observation is anthropology's special contribution to the study of man."<sup>7</sup>

Namun begitu kaedah Pemerhatian Penyertaan ini tidak dapat dilakukan secara menyeluruh kerana pengkaji hanya tinggal di tempat kajian dalam masa yang singkat. Jadi "Penyertaan" yang dimaksudkan disini hanya sekadar menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran sosial disana.

(iv) Bahan-bahan terkumpul (Library Research)

Pengkaji juga ada membuat rujukan kepada bahan terkumpul (Library Research) dengan membuat pinjaman buku-buku rujukan daripada perpustakaan Am dan juga daripada Perpustakaan Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya untuk mendapat sedikit sebanyak tentang teori-teori dan konsep-konsep yang akan digunakan dalam latihan ilmiah ini.

1.3 Kesulitan-kesulitan kajian dan cara mengatasinya

Sebagaimana bidang kajian yang lain, kajian ini juga menghadapi beberapa masalah.

<sup>6</sup> Freilich (M) (ed.), *Marginal Natives : Anthropologist At Work*, Harper and Row, New York, 1970, hlm. 1-2.

<sup>7</sup> Hlm. 4

(i) Masalah tempat kajian

Tempat kajian pengkaji adalah di Mukim Sermin II, Segamat, Johor. Mukim Sermin II ini terdiri daripada dua buah kampung iaitu Kampung Gelang Cincin dan Bangas yang diketuai oleh seorang Ketua Kampung. Kebanyakan daripada rumah kediaman penduduk di sana adalah berjauhan diantara satu sama lain terutamanya di kawasan Bangas. Ini menyulitkan bagi pengkaji untuk menemui responden dan menyebabkan kawasan kajian pengkaji hanya terhad di Kampung Gelang Cincin saja. Ini memandangkan kawasan Bangas adalah jauh ke pendalaman dan pengkaji pula tidak mempunyai pemandu yang sanggup masuk ke kawasan tersebut.

(ii) Masalah menemui responden

Pengkaji juga menghadapi masalah dalam menjalankan tugas menemuduga dengan lancar memandangkan pengkaji hanya dapat menemui responden hanya pada sebelah petang saja iaitu kira-kira pada jam 2.00 petang. Ini adalah kerana kebanyakan daripada mereka bekerja pada sebelah pagi sebagai penoreh getah.

Begitu juga jika ada majlis perkahwinan yang berlangsung di kampung tersebut, kerja menemuduga ini tidak dapat dilakukan kerana mereka beramai-ramai turut membantu dalam membuat persediaan bagi majlis tersebut.

Jadi pengkaji terpaksa memilih hari yang lain dimana tidak ada apa-apa majlis yang berlangsung di kampung tersebut. Ini menyebabkan pengkaji mengambil masa yang agak lama bagi menyudahkan tugas menemuduga responden.

(iii) Masalah salah sangka dan kekeliruan

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji juga menghadapi masalah salah sangka dan kekeliruan terhadap diri pengkaji. Misalnya ada setengah-setengah responden yang menyangka pengkaji adalah dari Jabatan Hasil dalam Negeri dan ditugaskan oleh kerajaan untuk mentaksir pendapatan dan harta mereka. Begitu juga tidak kurang yang menyangka pengkaji sebagai pegawai pendaftar pilihanraya dan pengutip derma.

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh pengkaji berkaitan dengan salah sangka ini, dimana pengkaji dianggap oleh responden telah dihantar oleh kerajaan untuk membanci mereka dan kemudian bantuan akan diberikan kepada mereka ataupun sekurang-kurangnya memberi sokongan kepada "bantuan" yang bakal diterima memandangkan kajian ini adalah mengenai masalah kemiskinan.

Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji terpaksa menerangkan kedudukan yang sebenar mengenai tujuan kedatangan pengkaji kepada mereka.

(iv) Masalah penyertaan orang luar

Dalam menemubual responden, pengkaji juga menghadapi masalah gangguan daripada penyertaan orang lain dalam proses menemuduga. Hal ini menyebabkan responden menjadi kebingungan dalam menjawab soalan yang dikemukakan kerana terlalu banyak jawapan yang dicadangkan kepadanya. Begitu juga soalan yang disediakan oleh Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya terlalu panjang menyebabkan responden menjadi bosan.

Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji telah meminta kerjasama dari mereka yang tidak berkenaan supaya membiarkan responden tersebut berfikir dengan tenang untuk memberikan jawapannya sendiri. Manakala untuk mengurangkan kebosanan responden dalam menjawab soalan yang begitu panjang, pengkaji

terpaksa mengubahsuai bentuk soalan agar tidak begitu ketara dengan soalan yang hendak ditanya.

(v) Masalah ketidakseriusan responden

Kadangkala pengkaji menghadapi masalah ketidakseriusan responden dalam menjawab soalan yang dikemukakan. Malah ada yang tidak menjawab langsung tentang soalan yang dikemukakan kepada mereka. Sebaliknya mereka pula yang menemuduga pengkaji dan kemudian terus menceritakan tentang keluarga dan saudara-mara mereka yang tidak berkait langsung dengan soalan pengkaji. Ini menyebabkan banyak masa yang terbuang dan bagi mengatasi masalah ini, pengkaji telah mencari responden yang lain yang dapat bekerjasama dengan pengkaji dalam menjalankan kajian ini.

## BAB II

### TEORI DAN KONSEP KEMISKINAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menyentuh perkara-perkara yang meliputi konsep kemiskinan, pendekatan-pendekatan kemiskinan, definisinya serta teori-teori yang berhubung dengannya.

#### 2.1 Konsep Kemiskinan

Kemiskinan adalah suatu fenomena yang "multi-dimensional" dan berbeza mengikut masa, ruang dan konteks budaya. Pengertian tentang konsep kemiskinan yang berbeza telah menimbulkan perbezaan didalam membuat pengukuran kemiskinan. Tetapi dalam konteks di Malaysia secara idealnya, definisi kemiskinan ini harus dilihat melalui dua pendekatan iaitu:-

- a) Pendekatan relatif (Relative approach)
  - b) Pendekatan mutlak (Absolute approach)
- a) Pendekatan Relatif (Relative approach)

Pendekatan relatif menyatakan bahawa bagi menentukan seseorang itu miskin ataupun tidak ialah apabila pendapatan yang diperolehinya itu kurang daripada pendapatan purata penduduk. Masalah yang timbul dalam menggunakan pendekatan ini ialah bagaimana hendak menentukan siapa dan golongan

manakah yang sebenarnya miskin dalam sesebuah masyarakat atau negara?

Penggunaan ukuran relatif ini juga kerap kali menimbulkan kekelam-kabutan kerana ukuran pendapatan bagi kemiskinan bukanlah merupakan satu ukuran yang tepat, memandangkan jumlah pendapatan yang rendah itu tidak selalunya menggambarkan ketidakcukupan kuasa beli seseorang. Ini jelas sebagaimana yang dinyatakan oleh Perlman:-

"The income measure of poverty is not very accurate one. Low income does not always reflect inadequate purchasing power."<sup>1</sup>

b) Pendekatan mutlak (Absolute approach)

Pendekatan mutlak pula ialah satu ukuran dengan membandingkan tingkat pendapatan mutlak isi keluarga dengan pendapatan yang diperlukan untuk menampung keperluan minima untuk pemakanan, pakaian, kesihatan, pelajaran dan lain-lain angkubah sosio-ekonomi. Pendekatan ini mengambil kira keperluan-keperluan minima untuk pemakanan dan lain-lain keperluan bukan makanan yang diperlukan untuk menampung satu tingkat taraf hidup yang selesa.

Seperti pendekatan relatif, ukuran mutlak ini juga menghadapi kelemahan dimana, walaupun ukuran mutlak itu adalah mutlak dalam ertikata ianya hanya menyatakan suatu standard hidup yang khusus tetapi ukuran itu tidak pula bersifat mutlak dan tidak boleh digunakan bila-bila masa sekalipun. Selain itu, apa yang dikatakan sebagai mutlak dalam sesebuah

---

<sup>1</sup>Perlman, R (1976), The economics of Poverty, Mc Graw-Hill, New York, hlm. 7.

masyarakat itu, mungkin merupakan kemewahan bagi masyarakat lain kerana keperluan seseorang itu tidak pernah sama dengan keperluan orang lain.

Dalam kes di Malaysia, Rancangan Malaysia Ketiga, mendakwa bahawa pengukuran garis kemiskinan atau "pendapatan garis kemiskinan" adalah berdasarkan ukuran mutlak (absolute poverty). Cuma "absolute poverty" saja yang boleh dihapuskan. "Relative Poverty" tidak mungkin dihapuskan.

## 2.2 Definisi Kemiskinan

Untuk mencari atau memberi satu definisi yang lengkap dan tepat mengenai kemiskinan ini adalah amat sukar. Ada banyak definisi-definisi yang telah dikemukakan berdasarkan bidang kerja mereka, persekeliling sosio-ekonomi komuniti kajiannya dan taraf pembangunan negara itu. Kesukaran dalam memberi definisi ini telah diutarakan oleh Martin Rein dengan menyatakan:-

"Each of these concepts present numerous problems of definition and measurement. Should we define poverty only in terms of economic insufficiency, economic inequality and economic diseconomy, or should the definition be broadened to embrace non economic variable. Such as prestige, power and social sciences."<sup>2</sup>

---

<sup>2</sup>Martin Rein, Problems in the Definition and Measurement of Poverty, dalam P. Townsend (ed) The Concept of Poverty, London, Heinemann 1971, hlm. 46.

Kenyataan diatas amat jelas sekali membuktikan tentang kesukaran untuk memberi definisi kemiskinan iaitu samada kita ingin mendefinisikannya hanya dari sudut ketidakcukupan dari segi ekonomi, ketidak seimbangan ekonomi dan ekonomi yang tidak berekonomi ataupun adakah definisi itu hendak diperluaskan meliputi angkubah yang tidak bercorak ekonomi seperti kedudukan, kuasa dan perkhidmatan-perkhidmatan sosial.

Dalam International Encyclopedia of Social Science pula memberi definisi kemiskinan sebagai:-

"..... not merely economic Inequality (of powers income, living, standard etc) but also social Inequality, that is - a relation of inferiority, dependence, or exploitation."<sup>3</sup>

Di sini kemiskinan tidak hanya dilihat dari sudut ketidaksamaan dalam bidang ekonomi saja tetapi ia juga meliputi kedudukan sosial yang tidak seimbang. Definisi ini hanya memberi penerangan secara umum saja tetapi ia tidak menerangkan secara lebih terperinci lagi untuk menentukan seseorang itu miskin ataupun tidak.

Martin Rein pula memberi definisi kemiskinan sebagai:-

"Poverty may be regard as subsistence, in equality or externality subsistence is concerned with minimum provision needed to maintain health and working capacity to service and maintain physical efficiency."<sup>4</sup>

Kemiskinan di sini dianggap sebagai cukup hidup, ketidak-seimbangan atau hanya cukup untuk mengekalkan tingkat kesihatan dan keupayaan

<sup>3</sup> International Encyclopedia of Social Science, vol. 12, 1968, hlm. 398.

<sup>4</sup> Rein M., op-cit, hlm. 46

untuk bekerja.

Syed Husin Ali dalam kertas kerjanya yang berjudul "Aspek-aspek Kemiskinan dari Sudut Sosiologi" dapat disimpulkan bahawa kemiskinan merupakan satu keadaan dimana:-

- 1) wujud kekurangan mendapatkan keperluan asasi iaitu makanan, perumahan serta pakaian dan kemudahan sosial seperti air, api, hospital serta sekolah.
- 2) dari segi ekonomi keadaan ini timbul sebab ketiadaan atau kekurangan kemampuan disebabkan oleh tingkat pendapatan, pemilikan dan pekerjaan yang rendah.
- 3) dari segi sosial golongan yang dikatakan miskin itu menduduki lapisan bawahan dalam sistem susun lapis masyarakat.

Ungku A. Aziz dalam kajiannya tentang kemiskinan mengatakan bahawa kemiskinan adalah fenomena luar bandar. Kemiskinan bererti pendapatan yang rendah dan jurang perbezaan pendapatan yang tinggi dalam taburan pendapatan penduduk luar bandar amnya, jurang perbezaan diantara pengeluaran seperti pekebun kecil getah, petani dan nelayan dengan kaum modal atau kapitalis seperti orang tengah, tuan tanah, pekedai, pembeli geran dan pemborong.

### 2.3 Pengukuran Kemiskinan

Ukuran garis kemiskinan adalah berbeza-beza antara negara maupun antara agensi antarabangsa. Di Malaysia bagi mengukur garis kemiskinan , kita telah menggunakan satu taraf pendapatan yang disesuaikan dengan petunjuk harga pengguna (C.P.I) dari semasa ke semasa sebagai garis

kemiskinan mutlak yang dikaitkan dengan taraf hidup am rakyat iaitu yang relatif kepada keinginan dan kebiasaan rakyat di negara ini. Jadi garisan ini lebih luas daripada perhitungan untuk mendapatkan makanan yang minimum saja kerana Malaysia memasuk kira keperluan dan kos untuk perumahan dan pakaian yang selesa, pengangkutan, tenaga kesihatan, pelajaran dan sebagainya.

Menurut Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir b. Mohammad kadar kemiskinan di negara ini tinggi kerana kita sendiri meletakan garis kemiskinan kita pada taraf yang tinggi berbanding dengan kebanyakan negara sedang membangun di dunia. Contohnya Bank Dunia pada tahun 1975 telah menetapkan pendapatan perkapita setahun sebanyak \$50 A.S (atau \$138 M><) sebagai garis kemiskinan mutlak. Manakala pada tahun 1976 anggaran kemiskinan Malaysia adalah \$145 A.S atau \$396 M seorang setahun. Jadi menurut beliau konsep kemiskinan Malaysia adalah berlainan kerana kita bercita-cita untuk mencapai taraf hidup yang jauh lebih tinggi daripada taraf kemiskinan yang biasanya difahami oleh negara-negara lain. Kemiskinan mutlak mengikut tabung Bank Dunia itu mungkin tidak ujud langsung di negara kita.

Menurut Ungku A. Aziz cara yang mudah untuk mengukur kemiskinan di luar bandar ialah dengan menggunakan indeks "Kain Sarong perkapita". Menurut beliau jika kita mengambil jumlah kain sarong yang dippunyai dalam satu household dan dibahagikan dengan jumlah orang dewasa dalam sesebuah household, maka kita akan memperolehi nisbah bagi kain sarong perkapita. Jadi jika seseorang itu mempunyai satu kain sarong perkapita ini bererti, bahawa ia berada di bawah paras kemiskinan. Orang-orang yang kaya di luar bandar seperti tuan tanah, tuan sampan ataupun kakitangan

kerajaan selalunya mempunyai tujuh hingga lima belas helai kain sarong perkapita.

Bagi Unit Perancangan Sosio-ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, telah menetapkan garis kemiskinan (Poverty line) sebanyak \$370 sebulan bagi menampung sekeluarga enam orang.

**Garis kemiskinan yang dipakai dalam Rancangan Malaysia sebagai garis kemiskinan ialah \$25/- perkapita sebulan.** Ini bermakna menurut laporan "Ringkas Perancang Kemiskinan", di luar bandar diantara kumpulan petani yang termiskin golongan yang terbesar ialah pekebun kecil getah 176,000 dan diikuti oleh pesawah 104,000 dan petani campur seramai 102,000 keluarga. Lebih kurang 534,000 keluarga di luar bandar hidup di bawah paras kemiskinan dari jumlah 1,203,000 keluarga.

Di Malaysia, garis kemiskinan yang digunakan oleh Abu Asmara ialah dengan menggunakan Angka tunjuk bulanan iaitu bagi satu keluarga yang mengandungi lima orang (seorang bapa, seorang ibu dan tiga orang anak), dapat dilihat dalam jadual di sebelah:-

Jadual 1 : Paras Kemiskinan untuk tahun 1977-1982

KANDUNGAN	TAHUN					
	1977	1978	1979	1980	1981	1982
Makanan	155.40	161.10	165.00	169.40	190.60	206.80
Pakaian	21.10	21.70	23.10	24.70	27.00	28.20
Selain dari Pemakanan	53.80	55.80	58.70	63.30	68.70	72.00
Lain-lain 5%	11.50	11.90	12.30	12.90	14.30	15.40
Jumlah	241.10	250.50	259.10	270.30	300.66	322.30

Sumber : Abu Asmara Hj. Mohamed, Institut Penyelidikan Getah Malaysia,  
dalam Seminar Mengenai kemiskinan di Alor Setar dalam bulan  
April 1983, hlm. 125.

Mengikut jadual ini kadar garis kemiskinan akan terus meningkat dari setahun ke setahun mengikut keadaan harga di pasaran dan ekonomi semasa.

#### 2.4 Teori Kemiskinan


Kenyataan bahawa kemiskinan adalah masalah luar bandar bukanlah tidak dengan alasan. Kira-kira 87% daripada isirumah miskin terdapat di luar bandar. 83% darinya terdiri dari kaum Melayu. Dari segi kelompok sosio-ekonomi 63% daripada jumlah petani-petani luar bandar adalah miskin manakala dari segi sektor, 80% daripada isirumah miskin luar bandar terdapat dalam sektor pertanian. Kebanyakan 98% daripada isirumah miskin luar bandar samada buta huruf atau mempunyai pencapaian pelajaran setakat sekolah rendah saja.

(a) Teori yang menekankan dari sudut ekonomi

Dari segi ekonomi selalu dikatakan bahawa punca utama yang menyebabkan kemiskinan ialah daya pengeluaran (productivity) yang rendah. Ini berpunca dari kekurangan atau ketiadaan beberapa jenis punca pengeluaran seperti tanah, modal dan teknologi.

Ada juga yang cuba mengaitkan faktor pendapatan, pelajaran dan pekerjaan yang menyebabkan kemiskinan. Ketiga-tiga faktor ini dikatakan saling kait mengait diantara satu sama lain. Misalnya jika seseorang itu hanya mempunyai tingkat pelajaran yang rendah, ini akan mempengaruhi bidang pekerjaan yang mampu dijawatnya dan seterusnya pula mempengaruhi tingkat pendapatannya. Oleh itu mengikut Nurske dengan jumlah pengeluaran yang rendah, setelah kehendak-kehendak asas dipenuhi, sedikit sekali yang tinggal daripada penghasilan yang dapat dijadikan modal. Keadaan ini dinamakan oleh Nurske sebagai "Vicious Circle of poverty".

### LINGKARAN KEMISKINAN



Ungku A. Aziz pula mengemukakan tiga sebab utama yang menyebabkan kemiskinan ialah daya pengeluaran yang rendah, eksloitasi dari pemodal dan kurang pengawasan dari pentadbir terhadap penduduk di luar bandar.

Terdapat juga teori yang menekankan bahawa punca kemiskinan disebabkan oleh kadar pertumbuhan penduduk yang begitu cepat berbanding dengan perkembangan ekonomi.

#### b. Teori yang menekankan kepada faktor Budaya

Bagi pentadbir dan pengkaji Inggeris seperti Brien Parkinson dan Swift mengatakan berlakunya daya pengeluaran yang rendah serta kemiskinan disebabkan oleh faktor 'personality' dan kebudayaan orang-orang

Melayu dikatakan terdapat sifat-sifat negatif seperti malas, bergantung pada nasib yang menyebabkan mereka tidak mahu bekerja lebih kuat untuk meningkatkan daya pengeluaran. Mereka juga dikatakan bersifat boros yang mengakibatkan wang terbuang pada perkara yang tidak berguna, dan tidak dapat ditabungkan untuk dijadikan modal.

Brien Parkinson misalnya dalam kertas kerja beliau yang berjudul "Non-Economic factors in the economic retardation of rural Malays" mengatakan:-

"The Islamic belief that all things are emanations from God is another important force affecting the Malay economic behaviours, for it tends to make them fatalistic in their approach to life. The Malay is very prone, after receiving a setback, to give up striving and say that he has no luck, that it is the will of God."<sup>6</sup>

Kenyataan yang dibuat oleh Parkinson ini adalah dianggap satu kenyataan yang melulu. Adalah tidak wajar untuk menuduh seseorang itu malas dan hanya bergantung pada nasib saja sedangkan mereka terpaksa bekerja bertungkus lumus dari pagi hingga malam dan terpaksa berjimat pula untuk menyara hidup sekeluarga. Untuk menggunakan teknologi moden sebagaimana yang di sarankan oleh Parkinson untuk menambahkan daya pengeluaran memang boleh tetapi persoalannya ialah dari manakah mereka boleh mendapatkan modal bagi membeli alatan moden tersebut sedangkan untuk menyara kehidupan mereka sehari-hari pun masih tidak mencukupi. Ternyata bahawa Parkinson dalam membuat kenyataannya tiada membuat pengkajian yang teliti dan bersifat "ethnocentric."

---

<sup>6</sup> Brien K. Parkinson, Non-Economic Factors in the Economic Retardation of the Rural Malays, Modern Asian Studies, vol. I, Pt. II Jan. 1967, hlm. 336.

Dakwaan Parkinson ini juga telah dikritik oleh penulis-penulis tempatan iaitu Syed Husin Ali:-

"... kepercayaan orang Melayu kepada konsep Qada dan Qadar misalnya tidak menghalang penganutnya dari mencapai kemajuan kerana walaupun Islam menghendaki penganutnya mempunyai konsep Qada dan Qadar tetapi didikan konsep itu juga dinyatakan peranan ikhtiar serta fikiran manusia untuk menentukan kedudukan nasibnya."<sup>7</sup>

Selain itu ada juga ahli-ahli Antropologi yang cuba mengaitkan kemiskinan ini, apa yang dipanggil oleh Oscar Lewis sebagai "The Culture of Poverty" ataupun budaya miskin. Mengikut Oscar Lewis:-

"The culture of poverty is both an adoption and reaction of the poor to their marginal position in the class stratified, high individuated, capitalistic society."<sup>8</sup>

Syarat-syarat bagi budaya miskin ialah

- 1) Ekonomi bercorak jualan, buruh upahan dan pengeluaran barang bagi mendapat keuntungan.
- 2) Kadar yang tinggi dalam pengangguran bagi pekerja yang kurang mahir.
- 3) Upah yang rendah
- 4) Kegagalan untuk mengujudkan satu organisasi sosial, politik dan ekonomi samada secara sukarela ataupun melalui pihak kerajaan, bagi penduduk yang berpendapatan rendah.
- 5) Ujudnya sistem "bilateral kinship"

<sup>7</sup> Syed Husin Ali, Social Stratification in Kg. Bagas, JAMBRAS, 1969, hlm. 51-57.

<sup>8</sup> Lewis, Oscar, La Vida, - Vintage Books, New York, 1966 hlm. 12.

Dakwaan Parkinson ini juga telah dikritik oleh penulis-penulis tempatan iaitu Syed Husin Ali:-

"... kepercayaan orang Melayu kepada konsep Qada dan Qadar misalnya tidak menghalang penganutnya dari mencapai kemajuan kerana walaupun Islam menghendaki penganutnya mempunyai konsep Qada dan Qadar tetapi didikan konsep itu juga dinyatakan peranan ikhtiar serta fikiran manusia untuk menentukan kedudukan nasibnya."<sup>7</sup>

Selain itu ada juga ahli-ahli Antropologi yang cuba mengaitkan kemiskinan ini, apa yang dipanggil oleh Oscar Lewis sebagai "The Culture of Poverty" ataupun budaya miskin. Mengikut Oscar Lewis:-

"The culture of poverty is both an adoption and reaction of the poor to their marginal position in the class stratified, high individuated, capitalistic society."<sup>8</sup>

Syarat-syarat bagi budaya miskin ialah\_

- 1) Ekonomi bercorak jualan, buruh upahan dan pengeluaran barang bagi mendapat keuntungan.
- 2) Kadar yang tinggi dalam pengangguran bagi pekerja yang kurang mahir.
- 3) Upah yang rendah
- 4) Kegagalan untuk mengujudkan satu organisasi sosial, politik dan ekonomi samada secara sukarela ataupun melalui pihak kerajaan, bagi penduduk yang berpendapatan rendah.
- 5) Ujudnya sistem "bilateral kinship"

---

<sup>7</sup> Syed Husin Ali, Social Stratification in Kg. Bagas, JAMBRAS, 1969, hlm. 51-57.

<sup>8</sup> Lewis, Oscar. La Vida, - Vintage Books, New York, 1966 hlm. 12.

- 6) Apabila ada satu set nilai-nilai dalam golongan dominan yang mementingkan pengumpulan harta dan kekayaan dan ada pula peluang mobiliti ke atas dan golongan dominan menganggap status ekonomi yang rendah sebagai akibat dari kekurangan dan ketidaksamaan individu.

Kebanyakan daripada trait budaya miskin ini boleh dilihat sebagai satu yang umum. Orang-orang yang miskin ini dikatakan tidak dapat memenuhi keinginan sepertimana yang dinikmati oleh institusi dan agensi di masyarakat yang besar kerana orang yang dikatakan miskin ini adalah tidak layak bagi perkhidmatan tersebut samada disebabkan mereka itu kurang berkemampuan, tidak mengetahuinya ataupun ragu-ragu. Budaya miskin ini juga jika sudah menyerap dalam satu masyarakat ianya amat sukar untuk dihapuskan dan akan berterusan dari satu generasi ke satu generasi.

c) Teori yang menekankan pada faktor 'Dependency'


Menurut A.G. Frank kemiskinan dikalangan negara-negara mundur sebahagian besarnya dihasilkan oleh sejarah yang lepas dan juga oleh hubungan ekonomi serta lain-lain jenis hubungan yang masih ujud diantara negara maju dan mundur.

Dalam teori "dependency" dikatakan terdapat satu hubungan saling bergantungan diantara sektor kampung dengan sektor bandar yang akhirnya mengujudkan satu keadaan kemunduran yang berterusan disektor luar bandar kerana ia terlalu sangat bergantung pada sektor bandar dalam sistem ekonomi kapitalis. Jadi hubungan yang ujud diantara dua sektor ini dipanggil hubungan "Metropolis - satelit".

Ada dua tahap dalam hubungan "metropolis - satelit" iaitu:-

- 1) di peringkat antarabangsa, dimana negara mundur adalah satelit dengan negara-negara maju adalah metropolis.
- 2) di peringkat sesebuah negara, dimana pusat bandar dianggap sebagai metropolis dan kawasan pendalaman atau desa sebagai satelit.

### HUBUNGAN METROPOLIS - SATELIT



Apa yang ingin ditekankan oleh teori ini ialah:-

- i) bahawa desa dan kawasan pendalaman sekarang adalah berpadu dalam satu sistem ekonomi kapitalis dengan sektor bandar yang lebih dominan.
- ii) bahawa struktur metropolis - satelit akan mengukuhkan lagi kepentingan-kepentingan sebahagian besar individu yang menganggotai kelas bawah atau rakyat miskin.

Berdasarkan kepada pandangan ini, ia merumuskan beberapa hipotesis mengenai sifat-sifat perhubungan metropolis - satelit:-

- 1) Metropolis-metropolis nasional, oleh kerana ia menjadi satelit kepada negara-negara industri yang maju, tidak memperolehi satu pola pembangunan yang berterusan sendiri dan berautonomi. Pertumbuhan mereka adalah bergantung kepada tindak tanduk negara-negara lain yang lebih berkuasa dan proses yang sama itu beroperasi bagi satelit-satelit di peringkat rendah yang terikat dengan pusat-pusat wilayah atau nasional.
- 2) Dalam keadaan yang perhubungan pergantungan itu mula lemah, maka pembangunan adalah dalam bentuk yang sudah berinvolusi. Keadaan ini boleh membawa mana-mana satu daripada dua kesan ini iaitu ia boleh membawa apa yang dinamakan oleh Frank sebagai "involusi kapitalis yang pasif" yang menandakan pergerakan ke arah penegakkan semula ekonomi berdasarkan saradiri yang dicirikan oleh kemiskinan serta kemunduran. Atau ia juga boleh membawa kepada kearah "involusi" kapitalis yang aktif iaitu yang membernarkan sedikit sebanyak di satelit.

Tambahan pula perkaitan-perkaitan dari segi ekonomi dan sosio-politik diantara satelit dan metropolis menghasilkan hal saling bergantungan yang bertambah di kalangan golongan bourgeoisie yang masing-masing ingin mengekalkan sistem itu. Saling bergantungan yang bertambah ini telah memperkuatkan polarisasi diantara kedua-dua penghujung dari rangkaian perhubungan metropolis - satelit itu.

Menurut Syed Husin Ali dalam kertas kerjanya yang berjudul "Aspek-aspek kemiskinan dari sudut sosiologi" beliau mengatakan untuk memahami secara menyeluruh apakah dia punca kemiskinan dalam satu-satu masyarakat, kita

perlu melihat dua aspek iaitu struktur masyarakat itu dan sejarah yang telah menimbulkan struktur itu. Banyak pengkajian serta teori tentang kemiskinan di Dunia Ketiga dalam dua dekad pembangunan yang lalu menekankan betapa pentingnya struktur - sejarah masyarakat itu.

d) Teori yang menekankan kepada struktur - Sejarah

Ungku A. Aziz telah mengaitkan akar umbi yang menyebabkan kemiskinan di luar bandar dengan meninjau kembali sejarah Malaysia di zaman kolonial. Kedatangan penjajah Inggeris dipertengahan abad kesembilan belas telah mengubah corak pemerintahan dan ini juga telah mengubah polisi ekonomi negara. Polisi ekonomi negara mulai condong untuk memenuhi kepentingan penjajah iaitu dari polisi ekonomi lebihan dan dari tanaman saradiri kepada tanaman wang (cash crops). Secara umumnya kegiatan ekonomi British di Tanah Melayu adalah bagi memenuhi keperluan industri British di Britain dan ini dilakukannya melalui dua cara iaitu:-

- i) Negeri ini menyediakan input-input utama yang diperlukan di dalam perusahaan industri di Britain iaitu getah dan bijih timah.
- ii) Menjadi sebagai tempat pemasaran keluaran industri British dengan menjalankan dasar "diskriminasi" terhadap keluaran dari negara lain yang menjadi persaingannya.

Kedua-dua cara di atas dijalankan secara serentak bagi memenuhi keperluan pihak penjajah. Ini dapat dilakukan contohnya, dengan adanya barang-barang moden keluaran industri British ini telah mendorong penduduk tempatan bekerja bersungguh-sungguh bagi mencari wang untuk membeli barang tersebut. Oleh kerana tanaman getah pada masa itu merupakan hasil jualan yang mendatangkan wang yang agak lumayan maka petani-petani

mula mengabaikan sawah padi mereka dan bertumpu ke ladang getah.

Dalam tahun 1880an kerajaan British telah memperkenalkan undang-undang tanah yang berdasarkan pada milik perseorangan. Undang-undang tanah yang dirumus, bukan untuk pembangunan di luar bandar tetapi untuk memberi jaminan keselamatan kepada pelabur-pelabur di dalam negeri. Tanah telah dijadikan harta yang boleh dimajukan. Apa yang penting dari perubahan struktur hak milik tanah ini ialah sebahagian besar dari tanah yang terbaik, samada yang kaya dengan bijih ataupun yang subur untuk tanaman wang telah diambil oleh kapitalis-kapitalis British dan juga kapitalis tempatan dari golongan immigran. Melalui bincian tanaman getah telah didapati bahawa dalam tahun 1922, 2,328,000 ekar tanah telah ditanami dengan pokok getah dan dari jumlah itu 1,410,000 ekar (hampir 60%) dimiliki oleh pihak British. Di sini jelas menunjukkan kerajaan British telah mengambil kesempatan ke atas undang-undang tanah yang dibuatnya itu bagi mengeksplotasi bidang pertanian penduduk di luar bandar.

Begitu juga undang-undang buruh dibuat bukannya untuk melindungi buruh-buruh tempatan tetapi bagi menjaga kepentingan buruh-buruh asing yang dibawa masuk ke Tanah Melayu untuk bekerja di estet-estet dan di lombong-lombong. Orang-orang Cina dan India yang datang sebagai orang immigran lama kelamaan berjaya melibatkan diri dalam lapangan ekonomi dengan kerjasama dan pertolongan dari penjajah Inggeris. Sebaliknya orang Melayu digalakkan untuk terus menetap di kawasan "Malay Reservations" dan meneruskan dengan cara hidup yang tradisional. Dasar ini telah memberi masalah yang besar ke atas negara seperti kenyataan yang dibuat oleh W.R. Roff-

"With the influx of Chinese miners and entrepreneurs in the middle years of the Century, tin acquired an enhanced importance. This led to the introduction of racial elements of imbalance in Malay political life as factional struggle took place between and within the communities for the possession and control of tin - bearing areas".<sup>9</sup>

Kaum Melayu dikekalkan di kawasan desa yang terlibat dalam pertanian saradiri dan ramai juga yang menjadi pekebun kecil getah. Oleh kerana desakan ekonomi ramai yang terpaksa menjual, menggadai tanah atau meminjam wang dari tuan tanah, orang tengah untuk memenuhi keperluan asas dan pendidikan anak-anak mereka. Menjelang kemerdekaan tahun 1957, satu masyarakat yang berbilang kaum telah ujud dengan kukuhnya di Tanah Melayu yang terdiri daripada 50% bagi kaum Melayu, 37% kaum Cina dan 11% kaum India. Pola ini masih kekal sehingga ke hari ini.

Keadaan ini bertambah kompleks dengan adanya sistem pelajaran vernakular yang berasingan bagi etnik Melayu, Cina dan India. Walaupun kerajaan British memberi bantuan kewangan dan menyelenggarakan Sekolah Melayu tetapi hanya setakat sekolah rendah saja. Tidak ada usaha yang dilakukan oleh penjajah Inggeris untuk mengujudkan satu sistem pelajaran yang "Centralised" dan sistem pelajaran dibuat hanya bagi kepentingan atas dasar penjajahan. Misalnya pelajaran Inggeris yang diberikan kepada penduduk tempatan hanyalah bagi mengisi kekosongan bagi jawatan kerani manakala Kolej King Edward bagi jurusan Perubatan dan Raffles College bagi jurusan Sains dan Kemanusiaan yang bertempat di Singapura ditubuhkan untuk mengeluarkan para profesional dan kaum elite dalam bidang pentadbiran bagi membantu pihak penjajah menjalankan pentadbirannya.

<sup>10</sup> W.R. Roff, The Origins of Malay Nationalism, Kuala Lumpur, 1967, hlm. 2.

Teori yang menekankan kepada struktur - sejarah ini telah menunjukkan bagaimana penjajah telah menyebabkan kemiskinan, penderitaan dan kekurangan tanah di kalangan orang-orang Melayu di desa. Struktur ekonomi, sosial dan politik ini telah berterusan apabila British kembali memerintah Malaya selepas Perang Dunia Kedua, malah ia semakin di kukuhkan.

Bila pemerintah dan pegawai tadbir tempatan mengambil alih kuasa dan pentadbiran negara ini, mereka juga telah mewarisi berbagai warisan yang ditinggalkan oleh penjajah. Termasuk di dalamnya ialah struktur, ciri dan masalah masyarakat yang dicipta oleh penjajah Inggeris semata-mata untuk kepentingan ekonomi mereka. Di antaranya ialah masalah kemiskinan, buta huruf, pengangguran, kemunduran sektor desa, perpaduan kaum, pelajaran dan sebagainya.

## BAB III

### LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN

Dalam bab ini pengkaji akan menerangkan mengenai latar belakang tempat kajian. Perkara-perkara yang akan disentuh oleh pengkaji dalam bab ini meliputi kedudukan geografi, politik, tempat kajian, jumlah penduduk dan aktiviti-aktiviti ekonomi mereka dan juga dari segi kemudahan-kemudahan sosial yang terdapat.

#### 3.1 Latar belakang tempat kajian secara umum

Tempat dimana kajian ini dijalankan ialah di Mukim Sermin II, Segamat, Johor. Mukim Sermin II ini terdiri daripada dua buah kampung yang berdekatan iaitu yang dipanggil Kampung Gelang Cincin dan Bangas Selumpur. Luas Mukim Sermin II ini adalah lebih kurang 42 batu persegi. Ia juga merupakan sebuah kawasan yang dianggap subur bagi kegiatan pertanian. Di sini terdapat lebih kurang 869 orang penduduk yang menetap dengan bilangan rumah kediaman sebanyak 167 buah.

Di sini ingin pengkaji menyatakan bahawa walaupun Mukim Sermin II ini terdiri daripada dua buah kampung tetapi tumpuan kajian pengkaji hanya terbatas di Kampung Gelang Cincin saja. Ini adalah kerana pengkaji menghadapi kesukaran untuk menjalankan kajian di Bangas Selumpur disebabkan tiada pembantu yang boleh memandu pengkaji memandangkan pengkaji adalah orang luar disitu. Kawasan itu juga merupakan kawasan yang agak

terpencil dan hanya terdapat kira-kira 13 buah rumah kediaman saja disana. Jadi pada fikiran pengkaji memadailah dengan hanya menumpukan kajian ini di Kampung Gelang Cincin saja. Oleh itu pengkaji akan cuba memberi tumpuan yang lebih khusus mengenai latar belakang Kampung Gelang Cincin saja.

### 3.2 Latar belakang Kampung Gelang Cincin

#### i) Kedudukan Geografi - Politik

Kampung Gelang Cincin terletak lebih kurang kira-kira 6 batu dari bandar Segamat. Luas kawasan kampung ini adalah 1 1/2 batu persegi. Ia mempunyai lebih kurang 2,000 ekar tanah rezab hutan. Di sini tanahnya adalah merupakan dataran dan sebahagian kecil saja daripada kawasan ini merupakan kawasan paya yang tidak sesuai langsung bagi tujuan pertanian.

Dari segi pentadbirannya pula Kampung Gelang Cincin ini diketuai oleh seorang penghulu yang menetap di Pekan Jabi. Penghulu inilah yang bertanggungjawab mengawasi Mukimnya yang terdiri daripada Mukim Sermin dan Mukim Jabi. Cara bagaimana penghulu ini dilantik adalah berlainan sekali dari corak perlantikan yang tradisional dimana pada masa dulu corak perlantikannya adalah lebih bercorak "ascribed" tetapi sekarang lebih kepada corak achieved. Jadi hanya mereka yang berkebolehan saja yang akan dilantik oleh pihak kerajaan dengan di bayar gaji bulanan. Tugas penghulu ialah ia bertindak mengikut arahan-arahan dari atas (kerajaan) dan kadang-kadang menjalankan sesuatu mengikut daya usahanya sendiri. Ia mewakili pentadbiran di peringkat kampung dan juga merupakan saluran peringkat bawah kepada pentadbiran di atas.

Di peringkat kampung pula ia diketuai oleh seorang ketua kampung yang bertanggungjawab dalam segala hal kebajikan dan sosial penduduk di sini. Tugas ketua kampung bukan saja untuk membantu penghulu tetapi juga dianggap sebagai pemimpin yang diharapkan oleh orang kampung dapat memberi pimpinan.

Untuk membantu pentadbiran di kampung ini, satu unit politik yang lebih kecil ditubuhkan yang dipanggil Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang terdiri daripada seorang pengurus dan 10 orang ahli JKKK yang lain. Cara bagaimana ahli JKKK ini dilantik adalah tertakluk kepada kelayakan-kelayakan seperti berikut:-

- a) Berumur tidak kurang daripada 30 tahun
- b) Bermastautin di kampung yang berkenaan
- c) Ada kebolehan mengurus dan mentadbir
- d) Orang yang dihormati dan disegani oleh anak-anak kampung
- e) Tidak pernah didapati bersalah kerana sesuatu kesalahan jenayah

Namun begitu YAB Ketua Menteri boleh melantik sesiapa saja yang tidak mempunyai sebahagian daripada kelayakan tersebut. JKKK ini mempunyai fungsi yang tersendiri dalam memajukan kawasan kampung dan diantara tugas-tugas JKKK ialah seperti berikut:-

- 1) Menentukan rancangan-rancangan pembangunan masyarakat yang dilaksanakan di dalam kampung
- 2) Sesudah menentukan rancangan-rancangan itu, jawatankuasa kemajuan kampung mestilah memilih projek mana yang hendak didahului dan projek mana yang boleh dikemudiankan. Dalam pada itu mungkin ada beberapa projek yang boleh dilaksanakan berasingan.

- 3) Melaksanakan projek-projek yang dipersetujui. Perlaksanaan ini boleh dibuat samada oleh orang-orang kampung sendiri atau secara bersama dengan badan atau jabatan-jabatan kerajaan atau pertubuhan-pertubuhan sukarela dan sebagainya.
- 4) Mengambil daya usaha serta memimpin untuk menjayakan projek-projek yang telah dipersetujui terutamanya dari segi berikut:-
  - a) bergotong royong yakni menggalakan penyertaan bersama oleh orang-orang kampung.
  - b) kelincinan perjalanan kesemua projek yang sedang dilaksanakan .
  - c) menyediakan ataupun membantu menyediakan tempat dan sebagainya untuk perlaksanaan sesuatu projek.
- 5) Menjadi badan perhubungan antara orang-orang kampung dengan kerajaan dan badan-badan luar.
- 6) Bertanggungjawab bersama-sama dengan badan-badan/jabatan-jabatan kerajaan atau pertubuhan-pertubuhan sukarela untuk menilai projek-projek pembangunan dan selanjutnya mengambil tindakan yang perlu.
- 7) Membuat peraturan-peraturan yang sesuai untuk perlantikan dan tugas-tugas Setiausaha Jawatankuasa
- 8) Menyimpan segala rekod rancangan pembangunan masyarakat untuk kampung itu, termasuklah diantaranya minit-minit mesyuarat
- 9) Menjemput sesiapa yang difikirkan sesuai kerana pengalaman, pekerjaan atau kebolehan yang ada padanya untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa
- 10) Melaksanakan apa juu projek atau aktiviti yang difikirkan ada perkaitan dengan pembangunan masyarakat
- II) Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan

Kedua-dua Penghulu dan Ketua Kampung saling bekerjasama diantara satu sama lain bagi kebajikan penduduk disana. Dari kajian pengkaji di Kampung Gelang Cincin didapati hampir kesemua penduduk disana adalah penyokong pihak pemerintah. Ini adalah disebabkan peranan yang dimainkan oleh Penghulu dan Ketua Kampung dalam kempen mereka. Dari temubual pengkaji kepada penduduk disana mengenai mengapa mereka menyokong pihak pemerintah sekarang adalah disebabkan oleh kemudahan-kemudahan asas yang diberikan oleh pihak kerajaan di kampung tersebut dan ada juga diantara mereka yang tidak tahu apa-apa mengapa mereka menyokong Barisan Nasional tetapi hanya ikut-ikut orang saja.

Walaupun suasana politik disana nampaknya bersatu namun begitu terdapat juga konflik diantara sebahagian kecil penduduk disana dengan Ketua Kampungnya. Ini diakui sendiri oleh Ketua Kampungnya dan juga oleh beberapa orang responden yang ditemui oleh pengkaji yang secara tidak disengajakan merupakan sebahagian daripada mereka yang termasuk dalam golongan tersebut. Dan konflik ini lebih melibatkan soal peribadi mereka yang terlibat.

ii) Penduduk

Kampung ini mempunyai bilangan penduduk seramai 806 orang dengan 154 buah rumah kediaman. Kebanyakan daripada mereka adalah terdiri daripada kaum Melayu dan sedikit saja yang terdiri daripada kaum Cina. Bilangan serta pecahan mengikut kaum dan jantina dapat dilihat seperti di jadual di sebelah:-

Jadual 2 : Bilangan penduduk mengikut bangsa dan jantina

KAUM	BILANGAN JANTINA		
	JUMLAH	L	P
MELAYU	802	342	460
CINA	4	4	-

Sumber : Pejabat Penghulu Mukim Sermin/Jabi.

Dari segi pecahan mengikut umur pula didapati:-

Jadual 3 : Bilangan penduduk mengikut umur

UMUR	BILANGAN
1 - 14 TAHUN	348
15 - 40 TAHUN	264
41 -100 TAHUN	194

Sumber : Pejabat Penghulu Mukim Sermin/Jabi

Kebanyakan daripada mereka yang tinggal di kampung ini adalah mempunyai pertalian persaudaraan. Ini jelas terbukti semasa pengkaji menjalankan kajian dimana mereka akan mengenalkan yang mereka itu bersaudara dengan orang itu dan seterusnya orang tersebut akan memperkenalkan yang mereka pula bersaudara dengan si anu dan si anu. Ini menunjukkan bahawa pola kekerabatan masih kuat lagi disana. Begitu juga dengan jenis famili yang ujud disana dapat dilihat seperti di jadual di sebelah:-

Jadual 4 : Jenis-jenis famili yang ujud

JENIS FAMILI	BILANGAN	PERATUS
Famili Asas (Suami, Isteri dan anak)	25	50
Famili Asas dan saudara Menumpang	9	18
Famili Besar	2	4
Famili Besar dan saudara Menumpang	1	2
Ibu dan Anak	13	26
<b>JUMLAH</b>	<b>50</b>	<b>100</b>

Sumber : soal selidik

Dari jadual di atas didapati 50% daripada keluarga disana adalah merupakan keluarga asas. Ini merupakan ahli-ahli keluarga baru yang dibentuk selepas mereka berkahwin. Di samping itu terdapat juga famili asas dan keluarga yang menumpang tinggal bersama-sama dengan famili asas. Ini menunjukkan sikap tanggungjawab yang terpaksa ditanggung oleh keluarga tersebut bagi kaum keluarganya walaupun ia telah mempunyai keluarga sendiri, misalnya mereka terpaksa menanggung adik beradik mereka yang masih bersekolah, ibu bapa mereka ataupun saudara mara mereka yang lain. Dari 50 orang responden yang ditemuduga didapati 26% daripada mereka adalah terdiri daripada kaum wanita yang terpaksa menjadi ketua keluarga setelah menjadi janda.

Dari segi pekerjaan pula didapati kebanyakan daripada penduduk disana adalah bekerja sebagai penoreh getah. Ini dapat dilihat dari angka bancian yang dibuat di kampung tersebut dimana didapati 137 orang yang terlibat dalam

kerja penoreh getah dan dari jumlah itu 65 darinya adalah menoreh getah sendiri manakala 72 lagi menoreh getah di ladang. Walaupun didapati 65 orang adalah menoreh getah sendiri tetapi angka tersebut adalah diragukan kerana ada sebahagian daripada mereka yang mengamalkan sistem bagi dua iaitu dengan mengupah orang lain menoreh getah mereka dan hasilnya dibahagikan samarata. Selain itu ada juga yang bekerja sebagai buruh kasar di lombong kuari dan tidak kurang juga yang terlibat dalam kerja pembersihan di estet-estet.

iii) Kemudahan Sosial

Kemudahan sosial di kampung ini tidak menghadapi apa-apa kesulitan. Ini disebabkan hampir keseluruhan rumah di kampung ini telah pun dimasuki dengan bekalan letrik dan bekalan air paip. Dari 154 buah rumah kediaman disini didapati 133 buah rumah telah pun mendapat bekalan api letrik dan 134 buah rumah kediaman telah pun mendapat bekalan air paip. Hanya 20 buah rumah saja yang belum mendapat bekalan air paip dan 21 buah rumah belum mendapat bekalan letrik. Bagi bekalan air, sumber yang lain ialah melalui perigi atupun dengan menumpang paip air di rumah jiran yang berdekatan. Ini disebabkan mereka kurang berkemampuan untuk mendapat kemudahan asas tersebut. Di kampung ini juga terdapat sebuah pondok telefon bagi kegunaan awam yang dibina pada tahun 1977 yang terletak berhadapan dengan kedai kopi. Tetapi semasa pengkaji menjalankan kajian disana, kemudahan telefon itu tidak dapat digunakan lagi kerana telah dirosakkan oleh beberapa golongan yang tidak bertanggungjawab yang tidak tahu menghargai kemudahan awam yang telah disediakan kepada mereka.

Penduduk-penduduk di kampung ini juga mempunyai masjidnya sendiri yang dipanggil Masjid Kampung Gelang Cincin yang dibina dalam tahun 1961. Tapak bagi pembinaan masjid ini adalah merupakan tanah wakaf yang diberikan

oleh salah seorang penduduk disana. Di samping berfungsi sebagai pusat beribadat, masjid ini juga berfungsi sebagai kelas bimbingan ugama kepada penduduk disana yang diadakan seminggu sekali.

Terdapat juga sebuah balairaya yang dibina pada tahun 1975. Balairaya ini berfungsi sebagai tempat kegiatan para belia di kampung tersebut di samping berfungsi sebagai tempat perjumpaan awam jika ada sesuatu majlis atau upacara dijalankan di kampung tersebut. Balairaya ini juga telah dijadikan tempat Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) di bawah anjuran Kemas. Jadi kebanyakannya daripada anak-anak penduduk disana telah mendapat pendidikan pra-sekolah di Tabika ini. Begitu juga Kemas telah mengadakan kelas menjahit dan memasak bagi kaum wanita disana yang diadakan seminggu sekali bertempat di Balairaya tersebut juga.

Di Kampung Gelang Cincin ini terdapat sebuah sekolah kebangsaan bagi kemudahan pelajar-pelajar sekolah rendah. Sekolah ini dibina dalam tahun 1948 dan setakat ini sudah terdapat kira-kira 6 orang guru yang mengajar di sekolah tersebut dengan bilangan penuntut seramai 130 orang kesemuanya. Kebanyakannya daripada pelajar-pelajar pergi ke sekolah tersebut dengan berjalan kaki ataupun diantar oleh ibubapa mereka dengan menunggang motosikal.

Walaupun pendidikan yang bercorak sekular diajar namun begitu pendidikan agama tidak pula diabaikan. Di sini tiada sebuah sekolah ugama yang khusus bagi pelajar-pelajarnya tetapi bagi pendidikan agama, pelajar-pelajarnya menumpang di bangunan Sekolah Kebangsaan Gelang Cincin. Di sini terdapat seorang saja guru agama dengan bilangan penuntutnya seramai 30 orang.

Bagi kemudahan kesihatan pula, sebuah klinik desa telah didirikan berhadapan dengan Sekolah Rendah Kebangsaan Gelang Cincin dan bersebelahan pula dengan balairaya. Kedudukan tempat-tempat ini dapat dilihat di dalam peta lakar yang dilampirkan. Klinik desa ini memberi kemudahan terutamanya bagi ibu-ibu yang mengandung untuk mendapat rawatan yang sewajarnya. Namun begitu ada juga diantara penduduk disana yang mendapatkan pil-pil daripada jururawat desa disana jika mereka demam dan sebagainya.

Dari segi kemudahan perhubungan pula tiada kemudahan perkhidmatan bas awam dikhususkan untuk masuk ke kampung ini. Jika para penduduk disini ingin keluar ke bandar, mereka akan pergi dengan menaiki teksi ataupun menaiki kenderaan sendiri. Di sini kenderaan yang utama adalah motosikal. Dikatakan bahawa suatu ketika dulu perkhidmatan bas awam ada disediakan untuk masuk ke kampung tersebut tetapi oleh kerana sambutan yang diberikan kurang menggalakkan, kerana kebanyakan penduduk disini mempunyai motosikal sendiri, jadi perkhidmatan bas awam itu terpaksa diberhentikan. Dari pemerhatian pengkaji juga didapati kebanyakan daripada jalan-jalannya adalah merupakan jalan bertar. Walaupun masih terdapat sebahagian kecil daripada lorong-lorong yang masih menggunakan jalan merah tetapi jalannya adalah agak elok dan memuaskan. Jadi pada pendapat pengkaji kemudahan perhubungan disini tidaklah mempunyai apa-apa kesulitan yang besar.

Kemudahan tandas di kampung ini juga agak memuaskan dimana kebanyakan daripada penduduknya telah mula menggunakan tandas curah. Dari 154 buah rumah kediaman didapati 131 daripadanya menggunakan tandas curah, 4 menggunakan lubang dan 4 menggunakan tandas berpam.

Di kampung ini juga terdapat sebuah Pusat Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil (PPPK) yang disediakan oleh pihak Risda, lengkap dengan alat-alat memproses getahnya sekali. Namun begitu tidak ramai yang menggunakan mesin memproses getah untuk dijadikan getah keping kerana mereka lebih suka menjual getah mereka dalam bentuk segerap. Lagi pun menurut mereka kerja memproses getah ini juga memerlukan tenaga yang lebih..

Tujuan dan objektif penubuhan PPPK ini adalah:-

- i) Merupakan nukelias untuk membangunkan ekonomi masyarakat pekebun kecil di dalam satu-satu kawasan.
- ii) Saluran bagi Risda menjalankan aktiviti-aktiviti untuk meninggikan taraf hidup pekebun-pekebun kecil.
- iii) Untuk mengatasi empat masalah yang terdapat dalam masyarakat pekebun kecil iaitu masalah-masalah tanah yang sempit, pengeluaran yang kurang, pemasaran dan juga sikap dan nilai.

Kampung Gelang Cincin secara keseluruhannya boleh dianggap mempunyai ciri-ciri yang mirip kepada ciri-ciri perumahan moden di bandar. Ini menunjukkan yang proses urbanisasi telah mula meresap ke kampung tersebut. Namun begitu unsur-unsur kejiranan masih tetap dikekalkan terutama sewaktu menjalankan majlis kahwin di kampung itu masih jelas kelihatan.

## BAB IV

### LATAR BELAKANG RESPONDEN YANG DIKAJI

Dalam bab ini pengkaji akan cuba memberi gambaran mengenai latar belakang responden yang dikaji serta keluarganya berdasarkan kepada stratifikasi soisal mereka iaitu dari golongan miskin, sederhana dan kaya. Secara umum tumpuan akan diberi kepada beberapa aspek meliputi biodata responden (umur, tingkat pendidikan dan lain-lain), tanggungannya, keadaan sosio-ekonominya serta diselitkan juga beberapa sikap atau pendapat responden terhadap perkara-perkara yang melibatkan pekerjaan mereka dan lain-lain.

#### 4.1 Biodata Responden

##### a. Umur

Jika dilihat dari segi umur responden kebanyakannya bertumpu dalam lingkungan umur 31 hingga 60 tahun. Dari jumlah itu didapati mereka yang berada dalam lingkungan umur 31 hingga 40 tahun adalah seramai 12 orang dimana 9 orang darinya terdiri daripada golongan miskin, 2 sederhana dan seorang dari golongan mewah. Kebanyakan daripada mereka merupakan keluarga asas yang baru membentuk famili sendiri setelah berumahtangga. Dalam lingkungan umur 41 hingga 50 tahun pula, terdapat 18 orang responden kesemuanya dan juga merupakan bilangan yang terbesar sekali. Dari kajian yang dibuat didapati umur responden berada ditahap yang masih bertenaga untuk melakukan pekerjaan mereka samada di kebun getah mahupun sebagai buruh kasar. Jadual 5 menunjukkan kedudukan umur

responden dan isteri yang dikaji seramai 50 orang kesemuanya iaitu 30 dari golongan miskin, 10 sederhana dan 10 lagi dari golongan mewah.

Jadual 5 : Kedudukan Umur responden dan isteri

GOLONGAN UMUR	SUAMI			JUMLAH			ISTERI			JUMLAH
	MISKIN	SEDERHANA	KAYA	MISKIN	SEDERHANA	KAYA				
21 - 30	1			1	2	1				3
31 - 40	9	2	1	12	9	3				12
41 - 50	10	4	4	18	5	1	6			12
51 - 60	6	3	3	12			2	2		4
60 ke atas	4	1	2	7	3	1	1	1		5
JUMLAH	30	10	10	50	19	8	9	9		36

Sumber : soal selidik

Dari 50 orang responden pengkaji, hanya 36 orang saja yang mempunyai isteri. Ini disebabkan 14 orang daripada responden pengkaji adalah terdiri daripada kaum wanita yang telah kematian suami ataupun telah bercerai. Kebanyakan daripada isteri responden berada dalam lingkungan umur diantara 31 hingga 40 tahun dan 41 hingga 50 tahun. Umur dalam lingkungan ini masih mempunyai kemampuan fizikal untuk melakukan sebarang pekerjaan sampingan bagi menambahkan jumlah pendapatan mereka selain daripada mengurus rumah tangga saja.

b. Tingkat Pendidikan

Jadual 6 menunjukkan tingkat pelajaran yang dicapai oleh responden dan isteri mereka. Dari kajian pengkaji didapati 6 orang responden tidak pernah bersekolah langsung dimana 4 orang darinya terdiri dari golongan

miskin dan 2 dari golongan mewah. Manakala yang mendapat pendidikan setakat sekolah rendah adalah seramai 18 orang kesemuanya iaitu 9 orang darinya terdiri dari golongan miskin, 6 sederhana dan 3 mewah. Majoriti daripada responden hanya mendapat pelajaran asas saja untuk memberi pengetahuan kepada mereka menulis dan membaca. Ini disebabkan oleh keadaan hidup mereka yang sempit pada masa lampau dan mungkin juga pada masa dulu pelajaran tidak diambil berat oleh ibubapa. Bagi mereka yang mendapat pendidikan hingga lulus sekolah rendah iaitu sehingga darjah 6 terdapat 20 orang responden kesemuanya dimana 13 orang darinya terdiri dari golongan miskin, 3 sederhana dan 4 mewah. Jadi secara keseluruhannya terdapat 38 dari 50 orang responden yang mendapat pendidikan setakat sekolah rendah saja.

Dari jadual yang sama juga didapati tahap pendidikan yang dicapai oleh isteri responden juga adalah rendah dimana 8 orang daripada mereka tidak pernah bersekolah langsung manakala yang mendapat pelajaran setakat sekolah rendah saja adalah seramai 16 orang kesemuanya iaitu 8 orang darinya terdiri dari golongan miskin, 2 sederhana dan 6 mewah. Hanya 11 orang dari isteri responden yang mendapat kelulusan sekolah rendah iaitu 6 orang dari golongan miskin, 3 sederhana dan 2 mewah. Pada keseluruhannya didapati taraf pencapaian akademik yang dicapai oleh responden dan isteri mereka adalah rendah. Pencapaian yang rendah dalam bidang pelajaran ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kemiskinan mereka kerana ia mengakibatkan corak pekerjaan yang mampu dilakukan oleh responden menjadi terhad kepada corak pekerjaan yang kurang mahir.

Jadual 6 : Tingkat Pendidikan responden dan isteri

UMUR GOLONGAN	K ETUA KELUARGA				ISTERI			
	MISKIN	SEDERHANA	KAYA	JUMLAH	MISKIN	SEDERHANA	KAYA	JUMLAH
Tidak bersekolah	4		2	6	4	3	1	8
Sekolah Rendah	9	6	3	18	8	2	6	16
Lulus Sekolah Rendah	13	3	4	20	6	3	2	11
Sekolah Menengah	3	1	1	5	1			1
Lulus Sekolah Menengah ke atas	1			1				
JUMLAH	30	10	10	50	19	8	9	36

Sumber : soal selidik

#### c. Jenis Pekerjaan Responden

Jenis pekerjaan dan adanya mobiliti dalam pekerjaan merupakan salah satu faktor yang boleh membawa perubahan kepada status seseorang iaitu dari satu golongan miskin ke sederhana mahupun mewah. Jika tidak ada mobiliti dalam bidang pekerjaan adalah amat sukar bagi seseorang itu untuk mengubah kedudukannya daripada satu tahap yang rendah kepada tahap yang lebih tinggi

Jadual 7 menunjukkan jenis pekerjaan yang dilakukan oleh responden, jumlah tukar pekerjaan dan alasan-alasan yang dikemukakan mengapa mereka menukar pekerjaan tersebut. Dari 30 orang responden dari golongan miskin, 10 orang darinya bekerja sebagai buruh di lombong kuari dan

di ladang-ladang getah dalam kerja pembersihan manakala 15 orang darinya ...  
pula terlibat dalam bidang pertanian iaitu dalam kerja penorehan getah.  
Kerja penorehan getah ini dijalankan dalam dua cara iaitu samada seseorang itu mengerjakan sendiri kebun getahnya ataupun ia mengamalkan sistem bagi dua dimana hasilnya dibahagi samarata dengan tuan punya kebun getah tersebut. Jika dilihat dari segi mobiliti pekerjaan pula dari 30 orang responden dari golongan miskin, 26 orang daripadanya tidak mempunyai mobiliti langsung.

Jika ditinjau bagi golongan sederhana pula hanya 2 orang saja yang bekerja sebagai buruh dan 6 orang lagi terlibat dalam bidang pertanian. Berbeza dari golongan miskin, mereka mempunyai kebun getah sendiri tetapi mereka juga mengamalkan sistem bagi dua ini kerana tidak mampu untuk mengerjakannya sendiri. Begitu juga bagi golongan mewah pembahagian jenis pekerjaan mereka dapat dilihat dalam jadual 7. Seperti golongan miskin, golongan sederhana dan mewah ini juga tidak mempunyai mobiliti dalam bidang pekerjaan langsung. Kalau adapun pernubahan dalam bidang pekerjaan adalah kerana telah tamat perkhidmatan (bersara).

Jadual 7 : Jenis Pekerjaan Responden, jumlah tukar pekerjaan  
dan alasan menukar pekerjaan

JUMLAH TUKAR PEKERJAAN	1	2	3	ALASAN MENUKAR PEKERJAAN				
				BURUH	PERTANI- AN	LAIN- LAIN	PEKER- JAAN LEBIH BAIK	PENCEN
MISKIN	10	15	3	26	2	2		
SEDERHANA	2	6	1	8	1			1
KAYA	1	5	4	6	4		3	1
JUMLAH	13	26	8	40	7	2	4	1

Sumber : soal selidik

Kekurangan mobiliti dalam bidang pekerjaan ini juga merupakan salah satu punca kemiskinan di luar bandar kerana walaupun jumlah pendapatan yang diperolehi oleh mereka adalah tidak seberapa tetapi mereka masih meneruskan pekerjaan yang sama.

Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas lagi maka dalam jadual yang seterusnya diterangkan mengenai sikap mereka samada mereka mempunyai cita-cita untuk menukar pekerjaan mereka sekarang. Secara keseluruhannya hanya 2 orang responden saja yang mempunyai cita-cita untuk menukar pekerjaan mereka sekarang iaitu seorang dari golongan miskin dan seorang dari golongan sederhana. Kedua-duanya terlibat dalam kegiatan pertanian. Mereka mengatakan yang mereka lebih suka bekerja makan gaji iaitu samada bekerja di lombong kuari ataupun sebagai buruh. Ini memandangkan kerja makan gaji adalah lebih tetap jika dibandingkan

\* Ini termasuklah kerja-kerja seperti bermiaga, kerani, jaga dan sebagainya.

dengan kerja penorehan getah dimana bila tiba musim tengkujuh, mereka tidak dapat pergi menoreh. Dari jadual 8 rata-rata responden tidak mempunyai cita-cita langsung untuk menukar pekerjaan sekarang kerana mereka tidak mempunyai kemahiran lain dan lagi disebabkan usia mereka yang kian meningkat.

Jadual 8 : Sikap Responden samada ingin menukar pekerjaan sekarang

GOLONGAN	ADAKAH CITA-CITA MENUKAR PEKERJAAN SEKARANG					
	TENTU	MUNGKIN	TIDAK MUNGKIN	TIDAK	TIDAK TAHU	JUMLAH
MISKIN	1	2	8	11	5	27
SEDERHANA	1	2	2	2	2	9
KAYA			4	4		8
JUMLAH	2	4	14	17	7	44

Sumber : soal selidik

Kesimpulan dari kedua-dua jadual 7 dan 8 dapat dirumuskan bahawa ketiga-tiga golongan iaitu miskin, sederhana dan kaya tidak mempunyai mobiliti dalam bidang pekerjaan dan mereka berpuas hati dengan jenis pekerjaan yang mereka lakukan sekarang walaupun tidak memperolehi pendapatan yang lumayan. Ini jelas terbukti dari jadual dimana 40 daripada 50 orang responden tidak pernah menukar pekerjaan lain, selain daripada pekerjaan sekarang. Ini diperkuatkan dengan sikap yang ditunjukkan oleh mereka seperti dalam jadual 8.

#### 4.2 Tanggungan Responden

Dalam hal tanggungan responden ini, perkara-perkara yang akan disentuh adalah mengenai bilangan anak responden, taraf pendidikan anak-anak dan juga sikap responden terhadap tahap pelajaran yang ingin dicapai oleh anak mereka.

##### a. Bilangan anak responden

Bilangan anak responden akan menentukan saiz keluarga responden dan beban tanggungan yang terpaksa dipikul oleh mereka. Jadual 9 menunjukkan bilangan tanggungan responden seramai 50 orang dimana 12 orang darinya mempunyai bilangan tanggungan diantara 0 hingga 2 orang. Dari jumlah tersebut 4 orang darinya terdiri dari golongan miskin, 2 sederhana dan 6 kaya. Majoriti daripada mereka yang berada dalam kategori mewah di kampung ini mempunyai jumlah tanggungan yang sedikit, kerana kebanyakan daripada anak-anak mereka telah bekerja ataupun sudah berumahtangga dan sudah terlepas dari tanggungan mereka.

Dari jadual 9 didapati jumlah tanggungan yang agak besar berada dalam lingkungan 3 hingga 4 orang dan 5 hingga 6 orang. Dalam lingkungan 3 hingga 4 orang terdapat 16 orang responden kesemuanya dimana 11 orang darinya terdiri dari golongan miskin, 4 sederhana dan seorang dari golongan mewah.

Ini merupakan satu tanggungan yang agak berat terutama bagi golongan miskin memandangkan kebanyakan daripada mereka mempunyai pendapatan yang kurang daripada \$200.00 sebulan. Jumlah pendapatan responden akan diterangkan dalam jadual berikutnya. Terdapat hanya 6 orang responden saja yang mempunyai jumlah tanggungan diantara

7 hingga 8 orang dimana 4 darinya terdiri dari golongan miskin, 1 sederhana dan 1 mewah. Jumlah tanggungan yang ramai ini lebih terasa dikalangan golongan miskin kerana bukan saja mereka terpaksa menanggung anak-anak mereka yang masih bersekolah tetapi juga anak-anak mereka yang telah tamat bersekolah tetapi masih tidak mempunyai pekerjaan.

Jadual 9 : Bilangan anak-anak responden

GOLONGAN BIL. ANAK	MISKIN	SEDERHANA	KAYA	JUMLAH
0 - 2	4	2	6	12
3 - 4	11	4	1	16
5 - 6	11	2	2	15
7 - 8	4	1	1	6
9 - 10				
10 ke atas		1		1
JUMLAH	30	10	10	50

Sumber : soal selidik

b. Umur Anak-anak Responden

Jadual 10 : Kedudukan Umur Anak-anak Responden Keseluruhan

GOLONGAN UMUR	MISKIN	SEDERHANA	KAYA	JUMLAH
0 - 5	19	7	1	27
6 - 10	23	6	3	32
11 - 15	23	6	5	34
16 - 20	29	8	4	41
21 - 25	10	3	2	15
26 ke atas		3		3
JUMLAH	104	33	15	152

Sumber : soal selidik

Jadual 10 dan II menunjukkan kebanyakan anak responden berada di bawah umur 20 tahun iaitu sebanyak 88.15%. Ini menunjukkan bahawa anak-anak mereka masih lagi berada di bawah tanggungan ibubapa dan secara tidak langsung juga menggambarkan beban tanggungan yang terpaksa dipikul oleh ibubapa dalam sara, hidup dan juga persekolahan mereka. Pecahan mengikut jantina pula seperti dalam jadual II menunjukkan secara keseluruhannya terdapat 67 orang daripada anak responden adalah lelaki dan 85 orang anak perempuan. Dan daripada jumlah tersebut 94.02% daripada anak lelaki dan 87.05% bagi anak perempuan responden berada di bawah umur 20 tahun yang memerlukan penjagaan dan bimbingan dari kedua ibubapa mereka.

Jadual II : Pembahagian umur anak-anak responden mengikut jantina

GOLONGAN JANTINA UMUR	MISKIN		SEDERHANA		KAYA		JUMLAH
	L	P	L	P	L	P	
0 - 5	10	9	3	4		1	27
6 - 10	11	12	5	1		3	32
11 - 15	8	15	2	4	2	3	34
16 - 20	12	17	5	3	3	1	41
21 - 25	2	8	2	1	1	1	15
26 ke atas			1	2			3
JUMLAH	43	61	18	15	6	9	152

Jumlah Anak Lelaki 67 orang

Jumlah Anak Perempuan 85 orang

Keseluruhananya 152 orang

Sumber : soal selidik

c. Taraf Pendidikan Anak-anak Responden

Jadual 12 menunjukkan tahap pelajaran yang dicapai oleh anak-anak responden dan didapati 37 orang darinya masih belum bersekolah lagi dimana 28 orang darinya adalah dari golongan miskin, 8 sederhana dan seorang mewah. Hanya seorang saja daripada anak responden yang tidak bersekolah langsung. Ini bukan disebabkan oleh kurang kemampuan ibubapa untuk menyekolahkan mereka tetapi disebabkan kurang minat pelajar itu sendiri untuk pergi ke sekolah.

Dari jadual didapati terdapat perubahan dalam tahap pendidikan yang dicapai oleh anak-anak responden dengan tahap pendidikan yang dicapai oleh responden dan isteri mereka. Kalau dalam jadual 6 didapati kebanyakannya dari responden dan isteri mereka hanya bersekolah setakat sekolah rendah saja tetapi ramai daripada anak-anak mereka sudah mendapat pelajaran hingga ke sekolah menengah. Walaubagaimana pun tidak seorang pun dari anak-anak responden berjaya ke tingkatan 6 dan ke atas. Ini menunjukkan taraf pencapaian pendidikan yang lebih tinggi masih kurang dan mungkin juga disebabkan oleh tiada dorongan yang diberikan oleh ibubapa mereka. Faktor keciciran dalam pelajaran ini kelak akan meneruskan keadaan kemiskinan di kalangan anak-anak responden. Rujuk jadual 12.

#### 4.3 Keadaan sosio-ekonomi responden

Dalam bahagian ini aspek-aspek yang akan disentuh oleh pengkaji adalah mengenai tingkat pendapatan responden dan seisi rumah, penggunaan dan perbelanjaan keluarga responden, perbelanjaan persekolahan anak-anak responden dan lain-lain.

##### a, Tingkat Pendapatan Responden

Pendapatan yang diambil kira dalam kajian ini adalah pendapatan ketua keluarga dengan membahagikannya kepada beberapa kumpulan kecil berdasarkan kepada corak pekerjaan yang dilakukan oleh mereka samada bekerja sendiri ataupun mengamalkan sistem bagi dua dalam kerja penorehan getah, upah bagi pekerja buruh dan makan gaji, upah dan campur bagi punca pendapatan yang bergantung kepada majikan dan hasil getah dan lain-lain punca pendapatan. Rujuk jadual 13.

Jadual 12 : Taraf Kedudukan Pendidikan Anak-anak Responden

GOLONGAN KATEGORI	MISKIN		SEDERHANA				KAYA		JUMLAH	
	BELUM BERSEKOLAH	MASIH BERSEKOLAH	SUDAH berhenti BERSEKOLAH	BELUM BERSEKOLAH	MASIH BERSEKOLAH	SUDAH berhenti BERSEKOLAH	BELUM BERSEKOLAH	MASIH BERSEKOLAH		
	28			8			1		37	
TIDAK BERSEKOLAH	1						1		1	
SEKOLAH RENDAH		30	5		5	2		3	1	46
LULUS SEK. RENDAH		1	3			3				7
SEKOLAH MENENGAH		23	13		14	1		5	5	61
LULUS SEK. MENENGAH										1
KE ATAS										
JUMLAH	29	54	21	8	19	6	1	8	6	152

Sumber : soal selidik

Jadual 13 : Distribusi Pendapatan Responden

CORAK PEKERJAAN	KERJA SENDIRI	BAGI DUA	UPAH	UPAH & CAMPUR	LAIN-LAIN*	JUMLAH
GOLONGAN PENDAPATAN SEBULAN \$	M S K M S K M S K M S K M S K					
200 ke bawah	5 1	8 1	4	1	1	21
201 - 300	1 1 2	1 5 2			1	13
301 - 400	1	1 2		1	2	6
401 - 500	1				1	3
500 - 600			1		1	2
600 ke atas	1				3	5
JUMLAH	6 4 1 10 1 2 11 3			1 1 1 2 1 6	50	

Sumber : soal selidik

Secara keseluruhannya terdapat 21 orang responden mempunyai pendapatan yang kurang daripada \$200.00 sebulan. Secara pecahannya pula yang terlibat dengan kerja penorehan getah sendiri, 5 orang darinya adalah terdiri dari golongan miskin dan seorang dari golongan sederhana. Dalam sistem bagi dua pula 8 orang darinya terdiri dari golongan miskin dan seorang dari golongan sederhana. Didapati 18 orang daripada 21 orang responden yang memperolehi pendapatan di bawah \$200.00 adalah terdiri daripada golongan miskin. Kebanyakan daripada mereka tidak mempunyai kebun getah sendiri dan terpaksa bergantung kepada kebun getah orang lain sebagai sumber pendapatan

\* Ini termasuklah Pesara, Peniaga dan lain-lain.

mereka. Kalau ada pun yang mengerjakan sendiri kebun getah mereka, adalah terlalu sedikit bilangannya dengan keluasan tanah yang tidak ekonomik.

Seterusnya dari jadual 13 didapati semakin bertambah tingginya tingkat pendapatan maka semakin bertambah kurang responden yang terdiri daripada golongan miskin dan lebih tertumpu pada golongan yang mewah. Di sini jelas membuktikan terdapat jurang perbezaan dan ketidakseimbangan ekonomi berlaku diantara golongan miskin dan kaya. Tingkat pendapatan yang rendah di kalangan responden dari golongan miskin ini adalah disebabkan mereka tidak sanggup untuk berhijrah ke tempat lain untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik.

Ini dapat dibuktikan dari jadual 14 dimana bila responden ditanya samada mereka ingin tinggal selama-lama di kampung ini, rata-rata daripada mereka mengatakan sudah tentu dengan mengemukakan berbagai-bagai alasan. Antaranya adalah disebabkan kampung tersebut merupakan tempat lahir mereka, rumah kediaman mereka terletak di kampung ini dan tidak kurang juga disebabkan anak-anak mereka bersekolah disini. Dari segi stratifikasi sosial tidak ada apa-apa perbezaan yang besar tentang sikap mereka samada ingin berhijrah ke tempat lain ataupun ingin tinggal di kampung ini selama-lamanya.

Jadual 14 : Pendapat responden samada ingin tingal selama-lama di kampung ini.

GOLONGAN SIKAP	MISKIN	SEDERHANA	KAYA	JUMLAH
Tentu	24	7	8	39
Mungkin	1	2	1	4
Tidak Mungkin	1			1
Tidak Akan	1			1
Tidak Tahu	3	1	1	5
Jumlah	30	10	10	50

Sumber : soal selidik

b. Jumlah Pendapatan Seisi Keluarga

Dalam jumlah pendapatan seisi keluarga perkara yang diambil kira ialah segala pendapatan orang-orang yang bekerja dalam sesebuah isi rumah dan tinggal bersama-sama dalam sebuah rumah.

Dari jadual 15 didapati daripada 50 orang responden 11 orang darinya memperolehi pendapatan seisi keluarga di bawah \$200.00 dimana 9 orang darinya dari kategori miskin dan 2 sederhana. Kebanyakan daripada responden yang dari golongan miskin ini memperolehi pendapatan seisi rumah sebanyak \$301.00 hingga \$400.00 manakala bagi golongan mewah pula majoriti memperolehi pendapatan seisi rumah sebanyak \$600.00 dan lebih sebulan. Jika dibandingkan jumlah pendapatan responden dengan jumlah pendapatan seisi rumah dapat dirumuskan bahawa tidak ada pertambahan yang jelas dalam tingkat pendapatan seisi rumah kerana kebanyakan

anak-anak responden masih lagi di bawah tanggungan mereka dan kalau ada pun yang bekerja jumlah pendapatan yang diperolehi adalah terlalu kecil dan tidak membawa perubahan yang besar dalam pendapatan seisi rumah.

Jadual 15 : Jumlah Pendapatan Seisi Keluarga

GOLONGAN PENDAPATAN SEBULAN \$	MISKIN	SEDERHANA	KAYA	JUMLAH
200 ke bawah	9	2		11
201 - 300	5		1	6
301 - 400	11	1		12
401 - 500	4	3	1	8
501 - 600		2		2
600 ke atas	1	2	8	11
JUMLAH	30	10	10	50

Sumber : soal selidik

Dari jadual 13 dan 15 didapati majoriti daripada responden memperolehi pendapatan diantara \$200.00 hingga \$400.00. Kesemua pendapatan ini adalah terletak di bawah garis kemiskinan.

c. Perbelanjaan Keluarga Responden

Jumlah perbelanjaan responden juga tidak kurang pentingnya dalam melihat beban tanggungan yang terpaksa dipikul oleh responden berbanding dengan jumlah pendapatan yang diperolehi oleh mereka.

Jadual 16 : Jumlah Perbelanjaan Responden

GOLONGAN PERBELANJAAN BULANAN \$	MISKIN	SEDERHANA	KAYA	JUMLAH
200 ke bawah	15	1	1	17
201 - 300	13	6	3	22
301 - 400	2	3	3	8
401 - 500			2	2
500 ke atas			1	1
<b>JUMLAH</b>	<b>30</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>50</b>

Sumber : soal selidik

Perbelanjaan bagi sesebuah rumah tangga adalah ditentukan oleh saiz anggota dalam keluarga tersebut. Sebuah keluarga yang mempunyai bilangan anggota yang ramai maka jumlah perbelanjaannya adalah besar dan begitulah juga sebaliknya. Barang-barang keperluan dalam sesebuah rumah tangga termasuklah perbelanjaan untuk makanan dan minuman, pakaian, dari segi utiliti (air, api, elektrik), pengangkutan, perbelanjaan untuk kesihatan dan lain-lain keperluan keluarga.

Dari jadual didapati 17 orang responden telah membelanjakan pendapatan mereka di bawah \$200.00 sebulan dimana 15 orang darinya terdiri dari golongan miskin, 1 sederhana dan 1 mewah. Jumlah pendapatan yang dibelanjakan oleh golongan miskin ini adalah tidak berpatutan jika dibandingkan dengan jumlah tanggungan mereka iaitu kira-kira 3 hingga 6 orang dalam satu rumah. Namun begitu mereka terpaksa juga menghadkan jumlah perbelanjaan kerana sebahagian daripada pendapatan mereka akan dibelanjakan pula bagi persekolahan anak-anak.

d. Perbelanjaan Persekolahahan Anak-anak Responden

Perbelanjaan persekolahan anak-anak responden adalah dikira dalam satu tahun. Perkara-perkara yang diambil kira dalam perbelanjaan persekolahan ini termasuklah pakaian persekolahan, buku-buku, tambang, yuran sekolah dan lain-lain keperluan.

Jadual 17 : Perbelanjaan persekolahan anak-anak responden dalam 1 tahun

GOLONGAN PERBELANJAAN \$	MISKIN	SEDERHANA	KAYA	JUMLAH
200 ke bawah	13	2	3	18
201 - 300	8			8
301 - 400	2	3	1	6
401 - 500		3	1	4
501 - 600				
600 ke atas	1	1	2	4
JUMLAH	24	9	7	40

Sumber : soal selidik

Dari jadual 17 didapati terdapat 18 orang responden yang membelanjakan kurang daripada \$200.00 setahun bagi persekolahan anak-anak mereka iaitu 13 orang darinya terdiri dari golongan miskin, 2 sederhana dan 3 mewah. Kebanyakan daripada anak-anak responden ini masih lagi berada di sekolah rendah lagi dan oleh itu tidak banyak yang hendak dibelanjakan. Wang saku tidak perlu diberikan dengan banyak kepada

mereka kerana selalunya mereka akan membawa bekalan sendiri. Perbelanjaan yang agak berat yang terpaksa ditanggung oleh responden adalah bagi para pelajar sekolah menengah. Beban tanggungan ini lebih terasa jika seseorang responden itu mempunyai 2 atau 3 orang anak yang bersekolah menengah kerana tambang bas bagi seorang pelajar adalah \$15.00 sebulan dan ini tidak termasuk yuran sekolah, buku rampaian, yuran peperiksaan dan sebagainya. Dari kajian pengkaji juga, didapati tidak seorang pun daripada anak responden yang menerima bantuan biasiswa. Pemberian biasiswa oleh kerajaan tidak hanya bergantung kepada kemiskinan ibubapa mereka tetapi juga bergantung kepada pencapaian pelajar tersebut dalam bidang pelajarannya.

e. Pemilikan harta benda responden

Dari segi pemilikan harta benda pula dapat dilihat seperti di jadual:-

Jadual 18 : Pemilikan harta benda responden

GOLONGAN PEMILIK HARTA BENDA	MISKIN	SEDERHANA	KAYA	JUMLAH
KERETA			4	4
MOTOSIKAL	19	7	9	35
KIPAS LETRIK	9	5	10	24
PETI AIS	3	6	10	19
TELEVISYEN	18	7	10	35
KUSYEN SET	9	8	10	27
MESIN JAHIT	19	8	10	37
DAPUR GAS	3	6	10	19
DAPUR MINYAK	10	2	4	16

Barang-barang yang disenaraikan itu adalah dianggap sebagai barang-barang asas bagi keperluan sesebuah rumah tangga. Dari kajian pengkaji hanya 4 orang saja yang memiliki kereta dan kesemuanya adalah terdiri dari golongan mewah. Ini disebabkan kereta bukanlah merupakan barang yang perlu bagi penduduk disana dan terdapat "alternatif" lain yang boleh digunakan oleh mereka sebagai punca pengangkutan. Punca pengangkutan yang popular di Kampung Gelang Cincin adalah motosikal. Dari 50 orang responden 35 orang darinya memiliki motosikal dan ini sesualah dengan keadaan jalan di kampung tersebut yang agak kecil walaupun bertar. Lain-lain barang keperluan seperti Peti Ais, Kusyen Set, Dapur Gas, rata-rata lebih banyak dimiliki oleh golongan mewah dan sederhana dan amat sedikit dari golongan miskin.

Dari jadual 18 barang keperluan yang hampir dimiliki oleh semua responden adalah mesin jahit. Mesin jahit adalah penting bukan saja di masyarakat luar bandar bahkan juga di bandar bagi keperluan menjahit pakaian. Di luar bandar menjahit pakaian sendiri merupakan satu perkara yang lazim dilakukan oleh suri rumah tangga bukan saja untuk menjahit pakaian sendiri tetapi juga untuk pakaian anak-anak. Bahkan dengan ada mesin jahit, mereka juga boleh mengambil upah menjahit pakaian orang lain seperti baju kurung dan baju Melayu terutamanya menjelang Hari Raya.

Dari jadual 18 ini juga, suatu perkara yang menarik perhatian pengkaji adalah pemilikan peti televisyen dikalangan responden yang dianggap agak tinggi bilangannya. Dari 30 orang responden dari golongan miskin, 18 orang daripada mereka memiliki, 7 dari golongan sederhana dan kesemua dari golongan mewah memiliki peti televisyen. Peti televisyen bolehlah dianggap sebagai satu barang keperluan sekarang dan bukannya

merupakan barang mewah lagi. Ini adalah kerana ia merupakan satu punca hiburan yang utama selain daripada radio bagi penduduk disini setelah sehari penat bekerja.

Dari jadual 18 didapati dari segi pemilikan harta benda ini memang tidak terdapat banyak perbezaan diantara golongan yang sederhana dan mewah jika dibandingkan dengan golongan miskin. Walaubagaimanapun pemilikan harta benda ini tidaklah bererti bahawa petani ini sudah cukup mewah kerana menurut Yusof Suratman:-

"..... menyebut golongan berpendapatan rendah hanya berupaya memiliki harta asas (basic property) seperti peralatan rumah dan rumah yang didiami sendiri. Ini tidak dapat dianggap sebagai harta kerana tidak mendatangkan sebarang sumber pendapatan dan adalah untuk kegunaan keluarga."<sup>1</sup>

Dari kenyataan di atas dapatlah disimpulkan bahawa pemilikan terhadap barang-barang asas seperti di dalam jadual tidak dapat dianggap yang mereka sebagai mewah terutama yang berpendapatan rendah kerana ia lebih merupakan barang-barang untuk keperluan keluarga dan tidak boleh mendatangkan sebarang sumber pendapatan. Di sini pengkaji ingin menjelaskan bahawa jumlah tabungan responden tidak dibincangkan kerana hampir kesemua daripada responden mengatakan yang mereka tidak mempunyai sebarang simpanan dan mungkin juga mereka malu untuk mengatakan yang sebenarnya.

---

<sup>1</sup> Yusof SURATMAN, Kemiskinan di kalangan orang Melayu di Bandar, Tesis M.A., Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1979, hlm. 60.

Kesimpulan yang dapat dibuat di dalam bab ini ialah bahawa majoriti daripada responden yang dikaji mempunyai pendapatan yang berada di bawah garis kemiskinan iaitu \$375.00 sebagaimana yang ditetapkan oleh kerajaan pada tahun 1983.

Dari segi sosial pula kebanyakannya daripada responden memperolehi tingkat pelajaran yang rendah kerana kemiskinan ibubapa mereka manakala bagi anak-anak mereka pula keciciran berlaku kerana kegagalan mereka di dalam peperiksaan. Ini kelak membawa perlanjutan kemiskinan pada generasi mereka pula.

Walaupun kemiskinan yang melibatkan masalah kebuluran, ketiadaan tempat tinggal atau kekurangan dari segi kemudahan-kemudahan asas tidak ujud disini tetapi kemiskinan mereka lebih berkait dengan tingkat pendapatan yang rendah dengan jumlah tanggungan yang ramai. Faktor inilah yang menyebabkan kesempitan kehidupan mereka.

## BAB V

### MASALAH PEKEBUN KECIL DAN CARA MENGATASINYA

Bab ini akan membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil getah di kampung ini, yang juga merupakan sebab-sebab ujudnya kemiskinan di kalangan mereka. Juga akan dilihat dan dikaji langkah-langkah yang difikirkan oleh pengkaji boleh diambil untuk mengatasi masalah tersebut. Penilaian juga akan dibuat terhadap agensi-agensi kerajaan dalam usaha-usaha untuk memperbaiki dan mengatasi masalah kemiskinan di luar bandar dan sejauhmanakah keberkesannya.

#### 5.1 Masalah Pemilikan Tanah

Masalah sosio-ekonomi luar bandar terutamanya masalah kemiskinan adalah berpunca dari masalah kekurangan tanah. Ia merupakan akar umbi kepada masalah kemiskinan petani di luar bandar. Tanah merupakan faktor asas dalam kehidupan penduduk luar bandar khususnya yang bergantung kepada pertanian. Keluasan tanah yang dimiliki oleh seseorang petani akan menentukan pendapatan mereka. Jadual 19 menunjukkan jumlah pemilikan tanah yang dimiliki oleh responden.

Jadual 19 : Jumlah Pemilikan Tanah Responden

CARA PEMILIKAN	SENDIRI			DIWARISI			SEWA			TIADA TANAH			JUMLAH
	M	S	K	M	S	K	M	S	K	M	S	K	
GOLONGAN LUAS DALAM EKAR	M	S	K	M	S	K	M	S	K	M	S	K	
0 - 1/2	7	1		1	1		2			8	3		23
1 - 2	4		1	1									6
3 - 4	2	1		1	1								5
5 - 6		1	1	1	1								4
7 - 8	1	1	1	1		1							5
9 - 10	1												1
11 - 12			3										3
12 ke atas				2		1							3
JUMLAH	15	4	8	5	3	2	2			8	3		50

Jumlah responden 50 orang

M - Golongan Miskin - 30 orang

S - Golongan Sederhana - 10 orang

K - Golongan Kaya - 10 orang

Sumber : soal selidik

Dari jadual 19 jelas membuktikan pengusaha dan pemilikan tanah yang tidak ekonomik dengan saiz yang kecil. Majoriti daripada responden memiliki tanah diantara 0 tinggi 1/2 ekar iaitu seramai 23 orang. Cara pemilikan tanah dan pecahan mengikut stratifikasi sosial dapat dilihat dari jadual 19. Kebanyakan daripada tanah tersebut hanya

merupakan tapak rumah mereka saja dan tidak mempunyai kawasan lapang untuk bercucuk tanam.

Dari jadual 19 ini juga didapati bilangan mereka yang tidak mempunyai tanah langsung adalah seramai 11 orang kesemuanya dimana 8 orang darinya dari golongan miskin dan 3 sederhana. Mereka ini kebanyakannya menumpang di tanah ibubapa ataupun saudara mara.

Bagi golongan yang mewah pula, kebanyakannya mempunyai luas tanah di dalam lingkungan 6 ekar hingga 12 ekar ke atas. Hasil dari kajian pengkaji didapati kebanyakannya dari mereka, memiliki hasil dari titik peluh mereka sendiri dan mereka ini kebanyakannya terdiri daripada orang-orang tua di kampung tersebut.

Kekurangan keluasaan dan ketiadaan milik tanah dikalangan petani adalah akibat dari proses pemilikan dan kehilangan hak milik. Kedua-dua proses ini berlaku serentak dimana di satu pihak, mereka kehilangan hak milik dan dari satu pihak yang lain, mereka menambahkan jumlah pemilikan tanah yang sedia di miliki. Golongan yang bernasib baik ini, biasanya terdiri dari golongan yang mempunyai pendapatan yang lebih samada hasil dari harta pusaka peninggalan orang tua mereka ataupun melalui pembelian.

Keluasan tanah yang kecil menyebabkan pendapatan mereka kurang dan tidak dapat menampung kehidupan keluarga yang mempunyai anggota yang ramai. Kalau diteliti dari jadual 19, kebanyakan tanah yang dimiliki bersama oleh suami isteri adalah kurang daripada 10 ekar. Daripada 50 orang responden hanya 6 orang saja yang memiliki tanah lebih daripada 10 ekar.

Salah satu sebab mengapa ujudnya saiz tanah yang tidak ekonomik ini adalah disebabkan oleh pemecahan hak milik tanah, setelah pemiliknya yang asal meninggal dunia. Tanah-tanah ini telah dibahagi-bahagikan kepada unit-unit yang kecil kepada waris-waris si mati berdasarkan kepada hukum Faraid. Tanah-tanah atau kebun-kebun getah yang dipecahkan itu menjadi tidak ekonomik lagi untuk dikerjakan. Ini seterusnya akan mempengaruhi jumlah pendapatan yang akan diperolehi oleh mereka jika mereka hanya bergantung kepada hasil kebun getah tersebut.

Untuk mengatasi masalah pemecahan dan pemilikan tanah yang tidak ekonomik ini, adalah diharapkan pihak kerajaan dapat membuka lebih banyak lagi tanah-tanah baru dengan menentukan saiz-saiz yang minima yang harus dimiliki oleh seseorang petani. Pemberian tanah ini mestilah diteliti terlebih dahulu dengan memberikannya hanya kepada mereka yang benar-benar berminat untuk mengerjakannya. Jika didapati setelah diberikan tanah-tanah baru ini, mereka tidak mengusahakannya, maka tanah tersebut boleh ditarik balik. Selain daripada itu, kerajaan hendaklah mempastikan bahawa tanah-tanah yang diberikan ini, tidak boleh dijual beli. Jika didapati ada kejadian seperti itu dilakukan maka tindakan haruslah diambil dengan membayar balik pampasan kepada pihak kerajaan. Ini adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya penyalahgunaan tanah yang diberikan kepada mereka ataupun untuk mengelakkan golongan tertentu yang cuba untuk mendapatkan keuntungan secara mudah dari kemudahan yang diberikan kepada mereka.

Satu lagi cara yang boleh dipertimbangkan untuk mengatasi masalah pemecahan tanah dan luas kebun yang kecil ialah dengan mengadakan rancangan penyatuan tanah. ✓ Penyatuan tanah boleh ditafsirkan sebagai satu proses penyusun semula sempadan kebun supaya tanah yang dimiliki secara berpecah atau berkeping dan jauh diantara satu sama lain dapat disatukan. Proses ini mengakibatkan pengurangan bilangan petani dan luas tanah bagi tiap-tiap petani. Proses penyatuan

ini boleh dicapai dengan persetujuan menukar lot diantara petani-petani yang berkenaan.

Jikalau didapati lot-lot berhampiran yang dikerjakan oleh petani-petani yang berlainan, maka salah seorang dari mereka hendaklah menyerahkan miliknya dan berpindah ke tempat lain atau menukar pekerjaannya atau kesemua mereka mengerjakan tanah yang terlibat secara berkongsi.

b. Masalah Sistem Bagi Dua

Sistem Bagi Dua ini juga merupakan salah satu sebab tujudnya kemiskinan **di luar bañdar**. Sistem bagi dua adalah merupakan satu sistem dimana tuan punya kebun getah akan mengupah orang lain untuk menoreh getahnya dan kemudian hasilnya akan dibahagi samarata diantara tuan punya kebun tersebut dengan si penoreh. Pola pekerjaan yang dilakukan oleh responden dilihat seperti di jadual.

Jadual 20 : Pola Pekerjaan yang dilakukan oleh responden

Corak Golongan	Pekerjaan	Kerja Sendiri	Bagi Dua	Upah	Upah & Campur	Lain-lain*	Jumlah
MISKIN	6	10	11	1	2	30	
SEDERHANA	4	1	3	1	1	10	
KAYA	1	2		1	6	10	
JUMLAH	11	13	14	3	9	50	

Sumber : soal selidik

\*Ini termasuklah Pesara, Peniaga dan lain-lain.

Dari jadual 20 didapati seramai 13 orang responden telah mengamalkan Sistem Bagi Dua. Secara pecahannya pula didapati 10 darinya terdiri dari golongan miskin, seorang dari golongan sederhana dan 2 dari golongan mewah.

Terdapat dua faktor yang boleh menerangkan mengapa ujudnya sistem bagi dua ini, iaitu bagi golongan miskin mereka tidak mempunyai tanah sendiri untuk dikerjakan. Oleh itu mereka menumpukan perhatian kepada sistem bagi dua untuk menyara keluarga mereka.

Di satu pihak yang lain pula, kebanyakan daripada tuan punya kebun getah tersebut sudah tua dan tidak berdaya untuk menoreh sendiri. Ini ditambah pula dengan keadaan kesihatan mereka yang tidak mengizinkan untuk melakukan pekerjaan yang berat-berat. Kebanyakan daripada anak-anak mereka pula telah berumahtangga dan mempunyai tanggungjawab terhadap keluarga mereka sendiri. Malah kadang-kadang mereka tidak terlibat langsung dalam kerja pertanian tetapi bekerja makan gaji ataupun bekerja sebagai buruh. Bagi anak-anak perempuan pula setelah berkahwin dengan pemuda-pemuda dari lain-lain kampung akan mengikuti suami mereka atau berpindah ke tempat lain.

Pendapatan yang diperolehi hasil dari penorehan getah tersebut adalah kecil dan terpaksa pula dibahagi dua dengan tuan punya kebun getah. Ini tidak memadai dengan tenaga yang dicurahkan sedangkan di satu pihak yang lain dapat menikmati hasilnya dengan tidak mengeluarkan tenaga kecuali modal. Jadual 21 menunjukkan perbandingan diantara corak pertanian yang dikerjakan oleh responden dengan tingkat pendapatan yang diperolehi oleh mereka.

Jadual 21 : Cara Penorehan Getah dilakukan

CORAK PERTANIAN GOLONGAN PENDAPATAN SEBULAN \$	KERJA SENDIRI			BAGI DUA			JUMLAH
	M	S	K	M	S	K	
200 ke bawah	5	1		8	1		15
201 - 300	1		1	2		1	5
301 - 400			1				1
401 - 500			1			1	2
501 - 600							
600 ke atas		1					1
JUMLAH	6	4	1	10	1	2	24

Sumber : soal selidik

Dari jadual 21 didapati rata-rata daripada mereka yang mengamalkan sistem bagi dua ini memperolehi pendapatan di bawah \$200.00 sebulan. Jika hendak dibandingkan dengan mereka yang mengerjakan sendiri kebun getah mereka, didapati kedudukan mereka adalah lebih baik sedikit daripada pekerja sistem bagi dua ini dimana ada diantara mereka yang memperolehi pendapatan \$300.00 hingga ke \$600.00 sebulan. Ini membuktikan sistem bagi dua ini adalah tidak begitu ekonomik untuk diperlakukan dan jumlah pendapatan yang bakal diperolehi oleh si pengarjanya bergantung kepada keupayaan tenaganya. Jika banyak pokok getah yang ditorehnya maka banyaklah pula hasilnya begitulah juga jika sebaliknya berlaku.

Sistem bagi dua ini sepatutnya dihapuskan melalui undang-undang. Para pekerja sepatutnya dibayar upah mereka dengan tunai dan ditetapkan jumlahnya terlebih dahulu. Dengan cara ini mereka akan dapat mengetahui

apa yang sebenarnya mereka dapat. Ini membolehkan mereka untuk membuat perbandingan upah yang diperolehi oleh mereka dengan apa yang dibayar oleh majikan yang lain.

c. Masalah Kekurangan Hasil

Hasil dari pemerhatian pengkaji semasa di kampung tersebut didapati kebanyakannya daripada pokok-pokok getah disini adalah sudah tua. Ini jelas terbukti apabila si penoreh tersebut terpaksa menggunakan tangga untuk menoreh pokok-pokok getah tersebut. Kerja sedemikian bukan saja tidak ekonomik kerana pokok-pokok tersebut tidak dapat mengeluarkan susu getah yang banyak bahkan ianya juga membuang masa dan tenaga si penoreh kerana terpaksa membawa tangga dan memanjatnya dari sepokok ke sepokok. Pekerjaan seperti ini adalah agak merbahaya kerana kemungkinan bagi si penoreh untuk mendapat kemalangan adalah tinggi dan jika beliau terjatuh dan patah tulang beliau akan kehilangan pekerjaan. Walaubagaimana pun mereka terpaksa menoreh pokok-pokok getah yang tua itu kerana mereka kekurangan modal untuk menjalankan projek penanaman semula.


Untuk mengatasi masalah tersebut, tuan-tuan punya kebun getah yang mempunyai pokok-pokok getah yang sudah tua, hendaklah digalakkan untuk menjalankan projek penanaman semula pokok-pokok getah agar hasil yang bakal diperolehi juga akan meningkat dengan diberi bantuan subsidi yang mencukupi.

d. Pelajaran dan Mobiliti Sosial

Masyarakat luar bandar terutamanya para petani dan buruh walaupun mereka berada dalam keadaan kemiskinan tetapi mereka mempunyai kesedaran terhadap pentingnya pelajaran bagi anak-anak mereka. Mereka tidak

mahu anak-anak mereka hanya mendapat pelajaran setakat sekolah rendah saja sebagaimana yang dialami oleh mereka sehingga menyekat peluang bagi mereka untuk mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik. Mereka sedar betapa pentingnya pelajaran untuk masa depan anak-anak dan seboleh-bolehnya tidak mahu anak-anak mereka mewarisi kemiskinan mereka.

Masyarakat luar bandar menaruh harapan bahawa pelajaran ialah satu-satunya cara untuk merapatkan jurang diantara mereka yang berada dengan yang kurang bernasib baik. Ini adalah kerana hubungan pendidikan dan kemiskinan mempunyai hubungan yang rapat. Ini boleh dilihat dengan mengatakan bahawa (K) ----->(P) ----->(K) iaitu kemiskinan menyebabkan pendidikan (pelajaran) yang dicapai oleh mereka adalah rendah dan mengakibatkan pula perlanjutan kemiskinan keluarga. Ia juga boleh dilihat dengan mengatakan (P) ----->(K) ----->(P) iaitu pendidikan (pelajaran) yang rendah yang dicapai oleh ibubapa menyebabkan kemiskinan keluarga dan kemiskinan keluarga ini mengakibatkan anak-anak dalam keluarga itu tidak menerima pelajaran yang memuaskan.



Rajah di atas menunjukkan bahawa kemiskinan dan pelajaran merupakan "Vicious Circle".

Hasil dari kajian pengkaji didapati secara keseluruhannya daripada 50 orang responden, 38 orang darinya mendapat pendidikan hanya setakat sekolah

rendah saja. Begitu juga dari 36 orang isteri responden didapati 27 orang darinya mendapat pelajaran setakat sekolah rendah manakala 8 orang darinya pula tidak pernah bersekolah langsung. Ini dapat dilihat dari jadual 5 bab 4.

Memandangkan tahap pendidikan yang dicapai oleh responden dan isteri adalah rendah maka mereka tidak dapat membantu pelajaran anak-anak mereka dirumah. Namun begitu para responden mengharapkan yang anak-anak mereka akan mendapat pelajaran yang lebih baik daripada apa yang didapati oleh mereka sendiri. Mereka menganggap bahawa pelajaran adalah merupakan satu bentuk harta yang dapat diberikan oleh mereka kepada anak-anak. Mereka percaya jenis pekerjaan yang bakal dijawat oleh anak-anak mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan tingkat pelajaran formal dan latihan kemahiran yang ada pada anak-anak mereka. Ini bermakna pada pandangan mereka, semakin tingginya pelajaran yang diterima oleh seseorang, maka lebih banyak peluang-peluang untuk mendapat pekerjaan.

Hal ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran <sup>t</sup> yang menyebutkan:-

"Kelayakan dari segi pelajaran secara formal memberi satu keberuntungan yang ketara dalam pasaran pekerjaan. Semakin tinggi pelajaran semakin baiklah peluang untuk mendapat pekerjaan. Tambahan pula, semakin banyak pelajaran yang diterima oleh seseorang itu, maka semakin banyaklah peluang untuk mendapat pekerjaan yang mahir, pekerjaan yang mempunyai mertabat dan memberi peluang yang lebih baik untuk kenaikan pangkat."<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>Kementerian Pelajaran Malaysia, Kajian Keciciran, 1973, hlm. 7.

Melalui temubual pengkaji secara tidak resmi dengan penduduk kampung tersebut, mereka mengatakan bahawa mereka menghadapi masalah untuk mengawas tahap kemajuan pelajaran anak-anak mereka kerana mereka sendiri kurang ilmu pengetahuan dan ketiadaan masa. Ini tidak dapat dinafikan kerana kebanyakannya mereka adalah penoreh-penoreh getah dan juga buruh kasar dan sudah tentu mereka mempergunakan tenaga dan masa yang banyak untuk mencari nafkah. Bila pulang dari kerja, mereka keletihan dan kehilangan kesegaran.

Di satu pihak yang lain, terdapat setengah-setengah ibubapa yang miskin ini, terpaksa meminta anak-anak mereka membantu mencari nafkah dengan bekerja. Ini menyebabkan masa untuk anak-anak itu belajar di rumah tidak mencukupi dan minat untuk belajar juga hilang kerana keletihan. Ini merupakan salah satu sebab mengapa setengah-setengah pelajar itu cicir dalam persekolahan. Jadual 22 menunjukkan jumlah pelajar yang cicir dalam persekolahan.

Jadual 22 : Jumlah Pelajar yang cicir dalam persekolahan

GOLONGAN KATEGORI	MISKIN	SEDERHANA	KAYA	JUMLAH
TIDAK BERSEKOLAH	1			1
SEKOLAH RENDAH	5	2	1	8
LULUS SEKOLAH RENDAH	3	3		6
SEKOLAH MENENGAH	13	1	5	19
LULUS SEKOLAH MENENGAH				
KE ATAS				
JUMLAH	22	6	6	34

Majoriti daripada mereka yang cicir setakat sekolah menengah ini adalah setelah gagal dalam SRP. Walaupun begitu ada juga diantara para pelajar tersebut yang cicir kerana kurang cerdas, tidak berminat untuk meneruskan pelajaran ataupun disebabkan kurang kemampuan keluarga.

Pelajaran juga mempunyai kaitan yang rapat dengan mobiliti sosial mengikut Rosemary Firth:-

"Pelajaran ialah kunci kepada perubahan sosial dan perubahan kepada diri individu. Meningkatnya taraf ekonomi individu seringkali menyebabkan geraklaku individu juga berubah."<sup>2</sup>

Ini bermakna dengan adanya tingkat pelajaran yang tinggi seseorang itu akan mempunyai harapan yang lebih untuk menjawat jawatan yang tinggi dan ini seterusnya akan dapat menaikkan kedudukan mereka iaitu dari kelas bawahan ke kelas menengah. Oleh itu pelajaran merupakan satu-satunya peluang bagi anak-anak petani dan buruh untuk menikmati mobiliti menengah.

Oleh itu langkah-langkah perlu diambil untuk mempertingkatkan tahap pelajaran anak-anak golongan miskin ini. Setakat ini berbagai-bagai kemudahan telah diberikan oleh pihak kerajaan dalam mempertingkatkan bidang pelajaran ini seperti memberi bantuan buku-buku teks, biasiswa, dan lain-lain. Bantuan dan kemudahan-kemudahan yang diberikan ini tidak akan berkesan sekiranya para ibubapa serta pelajar itu sendiri tidak dapat mempergunakannya dengan sepenuh ataupun tidak dapat

---

<sup>2</sup>Rosemary Firth, House Keeping Among the Malaya Peasant, University of London, The Anthlone Press, 1966, hlm. 207.

menghayati tujuan serta rasional bantuan-bantuan ini diberikan. Oleh itu pemimpin-pemimpin masyarakat boleh menimbulkan keinsafan ibubapa menerusi kempen-kempen kawasan ataupun melalui khutbah-khutbah Jumaat.

Murid-murid yang miskin ini juga harus diberi bimbingan oleh guru-guru dengan mengadakan program penasihat dan penggalakkan untuk menimbulkan semangat para pelajar untuk cuba bersungguh-sungguh untuk mencapai tingkat pelajaran seberapa yang termampu oleh mereka.

Begitu juga melalui perbualan pengkaji dengan penduduk di kampung ini, mereka mendapati bahawa projek Baktisiswa yang dijalankan oleh pelajar-pelajar di Institut Pengajian Tinggi amat berkesan dalam menaikkan semangat anak-anak kampung ini. Projek seperti ini haruslah diteruskan untuk menggalakkan para pelajar di Institut Pengajian Tinggi berbakti kepada penduduk di luar bandar.

Usaha untuk memperbaiki tingkat pelajaran anak-anak golongan miskin ini tidak cukup dengan hanya memberi kemudahan-kemudahan fizikal saja seperti makanan, pakaian, buku tambahan dan lain-lain tetapi serentak dengan itu sikap dan pemikiran mereka harus mendapat rawatan agar mereka menghadapi masa depan dengan lebih positif. Tanpa perubahan sikap dari ibubapa dan pelajar sendiri, maka program-program yang dilaksanakan untuk mengatasi masalah mereka tidak akan berjaya.

52. Rancangan-rancangan kerajaan dan sejauhmanakah keberkesanannya

Kerajaan melalui Dasar Ekonomi Baru telah cuba untuk mengatasi masalah kemiskinan ini melalui berbagai projek pembangunan di luar bandar seperti menyediakan kemudahan infrastruktur, projek pembangunan tanah seperti Felda dan Felcra dan juga melalui agensi Risda telah cuba untuk mengatasi masalah pekebun-pekebun kecil getah dan pemasarannya. Oleh itu di Kampung Gelang Cincin ini, projek-projek pembangunan sedemikian telah mula diserapkan.

Penubuhan agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan adalah bertujuan bagi mencapai kesejahteraan seluruh rakyat samada dari segi sosial, ekonomi mahupun politik. Ini dapat dilihat di dalam objektif penubuhannya dan strategi yang diatur adalah bagi mencapai matlamat-matlamat tersebut. Dasar Ekonomi Baru mulai 1970 mempunyai dua objektif yang utama iaitu:-

- i) membasmikan kemiskinan
- ii) menyusun semula masyarakat

Rancangan Malaysia kedua juga ada menyatakan:


"Poverty is a major cause of social discontent in all countries ..... since poverty can disrupt rational unity, the eradication of poverty irrespective of race, constitutes an important objective of the New Economic Policy ..... The Eradication of poverty will remove a barrier to the creation of a united and just society."<sup>3</sup>

---

<sup>3</sup> Kerajaan Malaysia, Rancangan Malaysia Kedua 1971- 1975, Percetakan Kerajaan Kuala Lumpur, 1971, hlm. 4.

Strategi membasmikan kemiskinan yang ditekankan sehingga kini ialah melalui pekerjaan di sektor industri dan meningkatkan daya pengeluaran di sektor luar bandar. Di pasaran buruh yang miskin dapat menawarkan khidmatnya dan menerima ganjaran dalam bentuk upah. Membasmi kemiskinan luar bandar melalui proses perindustrian untuk membuka peluang pekerjaan dan tingkat upah yang berpatutan tidak begitu berjaya jika dibandingkan dengan pengalaman yang dialami oleh negara-negara seperti Korea Selatan dan Taiwan. Strategi menggantikan impot dan kemudian menambahkan ekspot tidak mencukupi untuk membuka peluang pekerjaan seluas-luasnya kepada yang miskin.

Jadi menurut Abd. Ghani Othman satu opsyen untuk membasmikan kemiskinan ialah dengan melalui program kebajikan sosial iaitu dengan cara memberi keperluan asas kepada golongan miskin ini seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, kesihatan dan lain-lain. Perancangan kebajikan sosial ini dapat dilaksanakan melalui sistem perhubungan awam dan dijangka dapat dirasai secara langsung oleh golongan yang miskin ini. Ini dapat dilihat seperti digambarajah di muka sebelah.



Untuk mengatasi masalah kekurangan dan saiz pemilikan tanah yang kecil maka berbagai-bagai projek pembangunan tanah telah diujudkan seperti di lampiran I. Melalui projek Felcra, mereka yang tidak mempunyai tanah telah diberikan tanah untuk dikerjakan secara lebih ekonomik lagi. Setakat ini hanya sebuah saja projek Felcra yang terdapat di Kampung Gelang Cincin ini iaitu Felcra Paoh Manis. Setakat ini projek tersebut telah mendapat sambutan daripada penduduk di kampung ini. Tetapi apa yang jelas terlihat dari projek tersebut ianya hanya memperbaiki dari satu segi iaitu memberi tanah kepada yang tidak mempunyai tanah sedangkan pendapatan yang diperolehi oleh peserta-peserta tetap tidak jauh bezanya dengan pendapatan yang diperolehi oleh pekebun-pekebun kecil getah yang mempunyai tanah sendiri. Pendapatan mereka masih lagi di bawah garis kemiskinan iaitu di bawah \$300.00 sebulan.

Risda yang juga merupakan salah satu daripada agensi kerajaan, pada keseluruhannya adalah bertujuan untuk meninggikan taraf sosio-ekonomi pekebun-pekebun kecil getah dan perusahaan getah secara keseluruhannya. Secara ringkasnya objektif dan polisi tersebut boleh dibahagikan kepada perkara-perkara berikut:-

- 1) Melaksanakan segala tugas pembaruan pertanian yang terdapat dari hasil penyelidikan yang dijalankan oleh jabatan-jabatan yang ada hubungan dengan kegiatannya.
- 2) Bekerjasama dan berhubung rapat dengan semua agensi negara yang bertanggungjawab bagi penyelidikan, pengembangan, pekerjaan, mengadakan kredit pertanian, memproses dan pemasaran getah dan mengujudkan dengan cepat proses pemodenan.
- 3) Menjalankan tugas mengatur dan merancang penanaman semula bagi sektor pekebun kecil dengan menggunakan benih-benih tertentu yang

disediakan khas melalui penyelidikan yang tertentu agar iaanya akan dapat mengeluarkan hasil yang banyak dan iaanya dapat diperbaiki lagi mengikut cara penanaman yang kemas lagi teratur.

- 4) Mempastikan bahawa sektor pekebun kecil adalah dimodenkan dari segala segi termasuk memberi latihan-latihan kemahiran dan menanamkan asas pendidikan yang wajar.
- 5) Mendapatkan dan menyimpan perangkaan-perangkaan termasuk rekod-rekod yang perlu berhubung dengan sektor pekebun kecil dan mengarahkan supaya butir-butir maklumat itu di berikan kepada kerajaan supaya tindakan perancangan selanjutnya akan dapat dijalankan dengan lebih baik lagi.
- 6) Mengambil bahagian dalam apa jua aktiviti yang ditetapkan oleh Menteri yang bertanggungjawab dari masa ke semasa mengikut perubahan zaman dan keadaan alam sekitar. Dengan adanya kegiatan yang dinamis dari semasa ke semasa, pemberian dan kemajuan sektor pekebun kecil sentiasa saja berkembang mengikut akhir zaman.

Dalam bidang pemasaran getah, Risda telah menjalankan beberapa langkah untuk mengatasi masalah pemasaran yang terdapat dalam masyarakat pekebun kecil getah. Diantara langkah-langkah yang diambil ialah dengan mengadakan penjualan getah secara berkelompok. Penjualan getah secara ini dilakukan melalui Pusat Pembangunan Pekebun Kecil sebanyak 2 kali sebulan. Langkah ini dilakukan untuk menghapuskan golongan tengah yang cuba mengambil kesempatan untuk menindas golongan miskin ini. Rantai Pemasaran Getah Pekebun-pekebun Kecil dapat dilihat di lampiran 2.

Pihak Risda juga telah menyediakan pusat memproses getah untuk dijadikan getah keping di kampung ini.

Walaupun berbagai-bagai kemudahan telah disediakan oleh pihak Risda dalam memberi kemudahan kepada pekebun-pekebun kecil getah ini tetapi kemudahan-kemudahan tersebut tidak digunakan oleh penduduk kampung dengan meluas. Rumah bagi membuat getah keping yang disediakan oleh Risda tidak mendapat sambutan. Penduduk Kampung Gelang Cincin ini lebih suka menjual getah mereka dalam bentuk getah segerap. Ini adalah kerana, kata mereka, membuat getah keping memerlukan masa dan tenaga yang banyak dan lagi mereka adalah terlalu miskin untuk menunggu getah keping dijual kepada pihak Risda. Mereka memerlukan wang tunai secepat mungkin untuk menyara kehidupan mereka. Oleh itu getah-getah segerap dijual samada ke pihak Koperasi yang ujud di kampung tersebut ataupun melalui orang tengah yang tidak berlesen.

Projek penanaman semula Risda juga tidak mendapat sambutan kerana kebanyakan pekebun kecil getah di sini memiliki keluasan tanah yang kecil iaitu diantara 1 hingga 5 ekar. Keluasan tanah yang kecil ini tidak dapat menampung sara hidup pekebun yang bergantung seratus peratus dari hasil tanah itu. Di samping itu, mereka juga tiada mempunyai mata pencarian lain dan semata-mata bergantung dari hasil getah yang dipusakai sejak turun temurun. Ini menyebabkan mereka tidak dapat mengikuti rancangan tanaman semula.

Kos bagi membangunkan tanaman semula juga adalah sangat tinggi. Tekanan inflasi menyebabkan kos mata benda, alat perkakas dan racun rumput melambung tinggi. Ini ditambah pula dengan upah pekerjaan yang mahal yang telah menyebabkan bantuan tanam semula Risda sebanyak \$900.00 bagi seekor tidak mencukupi. Oleh itu Risda hendaklah mengambil langkah untuk menaikkan jumlah wang bantuannya ke paras yang memadai

dan mencukupi.

Masalah tanah juga merupakan satu faktor utama yang telah menghalang kemajuan tanaman semula. Perkara berhubung dengan tanah ini adalah di bawah pentadbiran kerajaan Negeri yang tertakluk pula kepada peraturan-peraturan Kanun Tanah Negara - Tanah Negara. Lagi pun Pemungut Hasil Tanah dan Pengarah Tanah dan Galian di tiap-tiap negeri mempunyai kuasa yang luas berhubung dengan perkara peraturan undang-undang tanah terutama sekali dalam mengenakan premium dan denda. Selain dari masalah hak milik tanah yang di luar keupayaan Risda, masalah tanah juga terdapat di dalam dasar perlaksanaan Risda sendiri.

Para pekebun kecil getah dalam penanaman semula juga menghadapi masalah tukar syarat. Seseorang pemilik tanah getah yang ingin bertanam semula dengan jenis tanaman lain mestilah menukar syarat terlebih dahulu. Sekiranya pemohon berkehendakan penukaran jenis tanaman dilakukan melalui Risda, profoma tukar syarat akan disediakan oleh pejabat untuk ditandatangan oleh pemohon. Profoma tersebut kemudiannya bersama-sama borang lawatan permulaan dalam empat salinan akan dimajukan ke Pejabat Tanah untuk tindakan. Sebahagian besar dari permohonan yang telibat dalam tukar syarat telah tergендala dalam rancangan untuk penanaman semula.

Pejabat Tanah mengambil masa yang agak lama bagi meluluskan ubah syarat kerana ianya juga melibatkan jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Parit dan Talair (JPT), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan sebagainya untuk memberi komen dan kelulusan. Jika nilai tanah didapati melebihi \$25,000.00 permohonan akan dimajukan pula untuk tindakan PTG Negri, kemudian ke Jawatankuasa Kerja Negeri untuk

kelulusan. Proses yang begini memakan masa yang agak lama.

Begitu juga jika terdapat pemilik tanah yang meninggal dunia, tukar syarat tidak dapat dilakukan selagi kebun itu belum selesai bicara-kuasa. Surat Wakil Kuasa yang pernah dikeluarkan oleh Risda bagi membolehkan seorang wakil dari waris-waris si mati untuk menjalankan penanaman semula tidak boleh dipakai lagi. Sebaliknya wakil tersebut dikehendaki mendapatkan Surat Tadbir atau "Grant of Probate" atau sebarang pengakuan sah dari segi undang-undang.

Oleh kerana syarat-syarat yang dikenakan sangat merumitkan pada sebilangan besar pemilik tanah yang miskin tiada mampu untuk berulang alik ke Pejabat Tanah atau Mahkamah serta tiada mampu mengadakan pembayaran yang bersangkutan dengan permohonan tersebut. Oleh itu perbincangan yang khusus perlu diadakan dengan pihak kerajaan supaya satu kompromosi ujud untuk mengatasi masalah kesulitan tersebut.

Pejabat Risda Negeri hendaklah membawa pendapat yang positif ke Majlis Tindakan Negeri untuk mengatasi kesulitan memproses tukar syarat dan kesannya kepada pekebun kecil. Jika masalah tanah ini dianggap sebagai salah satu sebab terjejasnya pembangunan di sektor pekebun kecil, maka tidak memadai pihak Risda saja yang dibebankan untuk menyelesaikan masalah ini. Kesedaran dan tindakan menyeluruh dari pihak pekebun kecil sendiri harus dipertimbangkan. Dengan menggunakan wakil-wakil pekebun kecil di dalam Lembaga Pentadbiran Risda dan Wakil Rakyat di tempat masing-masing, kerumitan-kerumitan ini hendaklah dibawa ke pengetahuan pihak kerajaan yang tertinggi.

## BAB VI

### RUMUSAN DAN PENUTUP

Seperti yang dinyatakan terdahulu, kajian ini adalah bertujuan untuk melihat faktor-faktor yang menyebabkan kemiskinan dan juga untuk mengesan sejauhmanakah keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.


Kemiskinan yang ujud dikalangan petani di negara ini bukanlah kemiskinan yang mutlak dimana terdapat masalah kebuluran dan kekurangan makanan yang berterusan seperti yang dihadapi di beberapa negara Dunia Ketiga yang lain. Jika berdasarkan kepada pendekatan mutlak iaitu dengan membandingkan tingkat pendapatan mutlak isi keluarga dengan pendapatan yang diperlukan untuk menampung keperluan minima untuk pemakanan, pakaian, kesihatan, pelajaran dan lain-lain angkubah sosio-ekonomi, bolehlah dikatakan bahawa kemiskinan yang dialami oleh penduduk di sini tidaklah begitu serius.

Dari segi kemudahan sosial, penduduk di kampung ini tidak menghadapi banyak masalah bahkan ianya telah menunjukkan satu peningkatan dari segi taraf hidup. Banyak kemudahan-kemudahan sosial seperti bekalan air, letrik, jalanraya, pusat kesihatan telah diserapkan oleh kerajaan di kampung ini, agar mereka dapat mengecapi kehidupan yang lebih selesa.

Jadi dalam hal ini, pendekatan yang digunakan oleh kerajaan lebih tertumpu kepada kemiskinan relatif, dimana tingkat pendapatan dikalangan

sebahagian besar penduduk luar bandar, khususnya petani adalah rendah jika dibandingkan dengan tingkat pendapatan penduduk yang tinggal di kawasan bandar.

Dalam masyarakat luar bandar memang ujud apa yang dikatakan oleh Nurske sebagai "Vicious Circle of Poverty" yang boleh dianalisa mengikut rajah di bawah:-



Satu faktor ujud disebabkan satu faktor atau lebih faktor lain dan seterusnya ini menyebabkan lain-lain faktor yang sediada berubah dalam pusingan yang lengkap atau Circular Causation

Dari kajian yang dilakukan memang didapati kebanyakan daripada responden memperolehi pendapatan di bawah \$300.00 sebulan dengan jumlah tanggungan diantara 6 hingga 8 orang. Ini telah dibincangkan dalam bab 4.

Kesesakan hidup mereka lebih terasa dengan kenaikan harga barang-barang akibat tekanan inflasi. Ini menyebabkan kos sara hidup yang dipikul oleh mereka turut bertambah, sedangkan pendapatan mereka tetap tidak berubah.

Jadual 23 : Jumlah Pendapatan dan Perbelanjaan Responden

PENDAPATAN	PERBELANJAAN							
	\$	M	S	K	M	S	K	
200 ke bawah	18	3			15	1	1	
201 - 300	9	2	2		13	6	3	
301 - 400	3	1	2		2	3	3	
401 - 500		2	1				2	
501 - 600		1	1				1	
600 ke atas		1	4					
JUMLAH	30	10	10		30	10	10	

Sumber : soal selidik

Kebanyakan daripada responden membelanjakan lebih daripada separuh pendapatan mereka bagi perbelanjaan keperluan asas di rumah. Malah kadang-kadang jumlah pendapatan yang diperolehi oleh mereka tidak mencukupi, menyebabkan mereka terpaksa berhutang daripada pekedai-pekedai. Keadaan ini selalu terjadi bagi mereka yang mempunyai bilangan tanggungan yang ramai. Faktor ini juga menerangkan mengapa mereka tidak mempunyai lebihan yang banyak untuk penanaman modal.

Perkara yang serupa juga berlaku di kawasan luar bandar yang lain misalnya dalam penyelidikan Wan Abdul Kadir di Kampung Kedai Buluh dan Kampung Dal menunjukkan persamaan paras pendapatan yang rendah dimana sebahagian daripada pendapatan tersebut telah digunakan untuk membeli keperluan asas.

Walaupun mereka kesemitan wang, tetapi ini tidaklah sampai menyebabkan mereka menjual tanah untuk mendapatkan wang tersebut seperti kata Syed Husin Ali dalam bukunya "Apa erti Pembangunan."

"Adalah silap jika disangka bahawa petani-petani dibelenggui oleh hutang dan terpaksa bergadai dan menjual tanah semata-mata kerana sering berbelanja lebih daripada yang mereka mampu."<sup>1</sup>

Begitu juga antara faktor-faktor ekonomi yang menyebabkan daya pengeluaran yang rendah ialah kekurangan atau ketiadaan berbagai jenis punca pengeluaran seperti tanah, modal dan teknologi. Ini seterusnya pula menyebabkan penduduk di luar bandar memperolehi pendapatan

---

<sup>1</sup>Syed Husin Ali, Apa erti Pembangunan, Dewan Bahasa & Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 27.

yang rendah. Pola pemilikan tanah telah dibincangkan dalam bab 5 dimana secara keseluruhannya majoriti daripada pemilikan tanah yang dimiliki oleh responden suami isteri adalah kurang daripada 10 ekar. Dari kajian didapati seramai 23 orang responden dari golongan miskin memiliki tanah diantara 0 hingga 2 ekar manakala rata-rata daripada golongan mewah memiliki tanah diantara 5 ekar hingga 12 ekar atau lebih. Ini menjadikan mereka sebagai tuan tanah dan menyebabkan ujudnya sistem bagi dua.

Dalam bidang pelajaran pula didapati rata-rata daripada responden suami isteri hanya memperolehi pelajaran setakat sekolah rendah saja. Ini merupakan faktor penghalang kepada mereka untuk mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik.

Jadi apa yang dapat dilihat daripada kenyataan yang dibincangkan itu merupakan faktor yang saling kait mengait yang mengujudkan masalah kemiskinan. Kesimpulannya dapat dikatakan disebabkan pendapatan mereka rendah, maka mereka tidak dapat menyimpan dan seterusnya tidak membuat pelaburan. Begitu juga dalam bidang pelajaran oleh kerana pendidikan yang diperolehi adalah rendah, ini menghadkan corak pekerjaan yang mampu dilakukannya dan seterusnya mempengaruhi tingkat pendapatan mereka. Oleh kerana faktor-faktor tersebut saling kait mengait jadi ia merupakan satu lingkaran yang mengongkong kehidupan mereka. Seperti yang dinyatakan oleh United State Council of Economic Advisors (1964).

"The vicious circle in which poverty breeds, occurs through time and transmit its effects from one generation to another. There is no beginning to the cycle, no end."

Antara punca-punca yang menyebabkan kemiskinan telah dibincangkan dan berhubung dengan itu kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memberi peluang yang lebih bagi petani untuk mendapat kemudahan-kemudahan yang disediakan. Selaras dengan itu antara rancangan-rancangan ekonomi yang terdapat di kampung ini ialah Felcra dan Risda. Projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan menerusi agensi-agensinya ini didapati kurang berjaya dalam mengatasi masalah kemiskinan. Projek-projek yang dilaksanakan tidak mendapat sambutan yang memuaskan daripada penduduk di sini. Rumah memproses getah yang disediakan oleh Risda begitu lengang kerana kebanyakan daripada penduduk di sini lebih suka menjual getah-getah mereka dalam bentuk segerap dan juga kepada Syarikat Koperasi yang ujud di kampung tersebut dan kepada pembeli-pembeli getah yang tidak berlesen. Ini kerana mereka memerlukan wang tunai dengan segera untuk menampung hidup mereka sekeluarga. Dari temubual pengkaji juga didapati, mereka yang menggunakan rumah memproses getah itu adalah terdiri daripada golongan sederhana. Ini memandangkan kedudukan ekonomi mereka adalah agak teguh sedikit jika dibandingkan dengan golongan miskin. Projek penanaman semula getah juga tidak mendapat sambutan yang menggalakkan dari penduduk kampung kerana kemiskinan mereka dan juga disebabkan oleh beberapa kesulitan yang timbul sebelum projek itu dapat dilaksanakan seperti kesukaran untuk mendapatkan geran dan tukar syarat seperti yang telah

diterangkan di dalam bab V.

Kesimpulannya masyarakat luar bandar di negara ini, sudah mula memperlihatkan struktur ketidaksamaan berdasarkan sistem susun lapisnya sendiri. Kita dapat bahawa dalam sistem ini golongan atasan berada memiliki tanah serta mempunyai kedudukan yang tinggi. Golongan bawahan tidak berada pula tidak banyak memiliki sumber ekonomi. Proses pembangunan melalui pembahagian tanah, subsidi, baja dan lain-lain, kadang-kadang melebarkan lagi jurang ketidaksamaan sosio-ekonomi dikalangan masyarakat luar bandar. Dengan itu sistem susun lapis dan ketidaksamaan boleh melanjutkan punca kemiskinan. Oleh itu segala rancangan-rancangan pembangunan luar bandar haruslah diteliti dengan mendalam agar ia mencapai matlamatnya dengan lebih berkesan lagi bagi mengatasi masalah kemiskinan ini.

## BIBLIOGRAFI

### TEKS

- Frank A.G and Cockcroft  
(1970) Dependence And Underdevelopment  
Anchor Books, New York.
- Firth Rosemary  
(1966) "House Keeping Among the Malay Peasant"  
University of London, The Antholone Press.
- Freilich  
(1970) Marginal Natives: Anthropologist Work,  
Harper and Row, New York.
- Frestinger,L and Katz, D  
(1955) Research Methods in Behavioural  
Sciences, Holt Rinehart and Winston,  
Inc., USA
- Husin Ali, Syed  
(1979) Apa erti Pembangunan, Dewan Bahasa  
dan Pustaka, Kuala Lumpur.  
\_\_\_\_\_  
(1968) International Encyclopedia of Social Science,  
vol. 121.
- Jackson, D  
(1972) Poverty, Macmillan, New York
- Kerajaan Malaysia  
(1971) Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975,  
Kuala Lumpur.
- Lewis, Oscar  
(1966) La Vida, Vintage Books, New York.
- Martin Rein  
(1971) Problems in Definition and Measurement of  
Poverty dalam P. Townsend (ed.)  
The Concept of Poverty, London - Heinemann.
- Perlman, R  
(1976) The Economics of Poverty, Mc Graw Hill,  
New York.
- Seltiz, C  
(1959) Research Method in Social Relations,  
Holt Rinehart and Winston, New York.  
\_\_\_\_\_  
(1978) Sidang Pekebun Kecil Getah, Kuala Lumpur.

Wan Hashim, Ting Chew, Peh, Shamsul Amri Baharuddin, Kaedah Penyelidikan Sosial, Dewan Bahasa dan Pustaka.

W.R. Roff  
(1967) The Origins of Malay Nationalism, Kuala Lumpur.

#### MAJALAH/ARTIKEL/JURNAL DAN LAPORAN RASMI

- Abdul Aziz b. Abd. Hamid, Ungku  
(1964) Poverty and rural development in Malaysia.  
Kajian ekonomi Malaysia Vol. I
- Parkinson, B.K.  
(1967) Non-Economic Factors in the Economic retardation of the rural Malays, dalam Modern Asian Studies vol. I, Part I, Cambridge, London
- Shamsul Amri Baharuddin  
(1979) The Development of the underdevelopment of Malaysian Peasantry, vol. 9, No. 4
- Zulkifly Hj. Mustapha  
(1983) Diversification of Malaysia Rural Economy: Opportunities, Alternatives and Controversy in rural/agricultural development, General meeting, Kuala Lumpur.

#### LATIHAN ILMIAH DAN DISERTASI

- Bokhan Dolah  
(1982/83) Kemiskinan di Kalangan Pesawah : Satu Kajian Kes di Mukim Bacang Melaka, Latihan ilmiah B.A., Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Faizah Yunus  
(1983/84) Kemiskinan Kaum Tani (Satu Kajian Kes di Kampung Paya Lintah), Padang Rengas, Perak, Latihan ilmiah B.A., Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd. Saidi Maidin  
(1983/84) Kemiskinan dan Masalah Komuniti Nelayan dari perspektif sosio-ekonomi. Satu kajian kes di Pulau Tuba, Pulau Langkawi, Kedah, Latihan ilmiah B.A. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Yusof Suratman  
(1979) Kemiskinan di kalangan orang Melayu di Bandar : Satu Kajian Kes Setinggan di bandar Johor Bahru, Tesis M.A. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.